

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 160 ● 1 - 7 APRIL 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WKTV



Selamat berniaga
di tempat baharu

SHAHIDAN bertemu peniaga yang telah ditempatkan semula di Jalan Dungun, Bukit Damansara. Berita dan gambar berkaitan di muka 3, 8 dan 15.

Rosida puji komitmen petugas jayakan JAKM

JELAJAH Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) peringkat Negeri Perlis yang telah melabuhkan tirainya serta menyaksikan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dipilih sebagai kementerian peneraju bagi edisi ini sekali gus mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya melaksanakan program tersebut.

Peranan dan usaha berpasukan yang dilakukan warga KWP serta agensi di bawahnya mendapat perhatian Ketua Setiausaha, Datuk Seri Rosida Jaafar yang menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kejayaan pengajuran JAKM sekali gus berjaya menterjemah semangat Keluarga Malaysia dalam kalangan warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi.

LIPUTAN DAN WAWANCARA
MUKA 9,10,11,12,13



ROSIDA menyerahkan cenderahati kepada Perdana Menteri selepas perasmian JAKM di Perlis baru-baru ini.

KWP lulus pembinaan 60,248 Rumah Wilayah

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) terus cakna dengan hasrat warga kota untuk memiliki rumah sendiri dengan harga yang berpatutan. Buktinya sehingga Mac 2022 sebanyak 60,248 pembinaan projek Residensi Wilayah Keluarga Malaysia (RWKM) telah diluluskan pembinaannya bagi memenuhi

permintaan terhadap Rumah Mampu Milik (RMM) di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, ia melibatkan 88 projek RWKM telah diluluskan iaitu di Kuala Lumpur sebanyak 56,560 unit, Putrajaya sebanyak 2,908 unit dan Labuan sebanyak 780 unit.

“Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14,868 unit rumah iaitu 26 projek telah siap dibina dan 24,124 unit rumah iaitu 33 projek dalam pembinaan manakala baki masih dalam peringkat perancangan. Permohonan boleh dibuat melalui portal Residensi Wilayah Keluarga Malaysia,” katanya.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



Tiada punca kuasa lantik Timbalan Datuk Bandar
=>4



Sempena Ramadan, Syura maafkan Siti Nordiana
=>14



Raikan Ramadan dengan 30 sajian barat, tradisional Westplate Factory
=>17

Bantu golongan berpendapatan RM3,000 miliki kediaman

Rumah bawah RM100,000 di Putrajaya

SABRINA SABRE

PRIHATIN dengan keperluan perumahan dalam kalangan rakyat, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mengambil pendekatan proaktif untuk membangunkan Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah RM100,000 bagi membantu golongan berpendapatan bawah RM3,000 memiliki kediaman sendiri di Putrajaya.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata perancangan untuk membina rumah di Putrajaya disebabkan faktor kekurangan tanah di Kuala Lumpur selain mahu membantu masyarakat memiliki rumah yang lebih berkualiti, selesa dan mampu milik.

"Pelaksanaan pembangunan RMM di Wilayah Persekutuan memberi fokus kepada kategori kos sederhana melalui Residensi Prihatin untuk membantu golongan isi rumah berpendapatan tidak melebihi RM5,000 sebulan.

"Saya akan berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menge-

nai inisiatif ini," katanya dalam Program Bicara Naratif yang disiarkan secara langsung di Saluran TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada Isnin.

Menurut Shahidan, sebelum ini KWP telah memperkenalkan RUMAWIP pada tahun 2013 tetapi ia telah diberi penjenamaan baharu kepada Residensi Wilayah Keluarga Malaysia (RWKM) selepas bertukar kerajaan pada 2018 lalu.

"RWKM ini merujuk kepada RMM di Wilayah Persekutuan di mana ia terbuka kepada golongan bujang dengan pendapatan kasar bulanan di bawah RM10,000 dan RM15,000 buat mereka yang sudah berkahwin untuk memiliki rumah berharga sehingga RM300,000 seunit berkeluasan 900 kaki persegi.

"Selain itu, kita juga telah membina Residensi Prihatin Keluarga Malaysia buat warga kota memiliki rumah dengan harga jualan sehingga RM200,000 seunit dan saiz rumahnya berkeluasan minima 750 kaki persegi," katanya.

Tambahnya, dianggarkan sebanyak 10,000 unit RMM akan dibina daripada tahun 2021 seh-



SHAHIDAN ketika Program Bicara Naratif yang mengupas mengenai Peranan Wakil Rakyat dan Perumahan Warga Kota khususnya dalam pembangunan WP.

ingga 2024.

"Kita saraskan 10,000 unit dalam masa tiga tahun tetapi kita boleh mencapai lebih daripada itu kerana ada kumpulan-kumpulan sasar yang telah ditetapkan," ujarnya.

Dalam pada itu, Shahidan turut memberitahu sehingga Mac tahun ini, KWP telah meluluskan 88

projek RWKM yang melibatkan kira-kira 60,248 di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Di samping itu, sehingga kini sebanyak tujuh tapak telah dikenal pasti untuk pembinaan Council Home di Sungai Udang dan Segambut sebanyak 1,251 unit dengan keluasan 807 kaki persegi. Mereka boleh mula men-

diami rumah tersebut pada bulan April ini," jelasnya.

Selain itu, beliau berkata KWP juga sedang merancang membangunkan Council Home di Jalan Selimang Cheras sebanyak 702 unit, 1,000 unit di Taman Desa, Bandar Baru Sentul pula 168 unit, Jalan Tasik Permaisuri 204 unit, Pekan Salak Selatan sebanyak 1,540 unit dan Taman Alam Damai 235 unit.

"Ini merupakan tujuh tempat yang telah kita kenal pasti serta sedang melihat beberapa tempat lain dan akan umumkan kemudian. Walau bagaimanapun, sebanyak 5,140 unit Council Home juga akan mula dibina tahun ini seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri tempoh lalu.

"Semua rumah dan aktiviti lain ini boleh menggerakkan ekonomi negara. Itu yang paling penting kerana apabila ekonomi kita bergerak dengan lancar, ia merupakan sumber pendapatan utama kepada rakyat dan dalam masa yang sama pembinaan rumah-rumah ini juga akan menyumbang ke arah pembangunan tersebut," jelasnya.

WK

Permohonan terbuka kepada semua warga Wilayah Persekutuan

DARI MUKA DEPAN

BELIAU berkata demikian ketika sesi menggulung usul Menjunjung Kasih dan Perbaohan Titah Diraja Dewan Negara pada Isnin.

Sementara itu, Shahidan berkata, permohonan Residensi Wilayah dan Residensi Prihatin adalah terbuka kepada semua warga Wilayah Persekutuan yang memenuhi syarat permohonan tidak kira bangsa dan termasuklah Orang Kurang Upaya (OKU).

"Kedua-dua residensi ini adalah rumah berstrata yang mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air dan satu tempat letak kereta serta mesra OKU.

"Dasar pembangunkan kedua-dua residensi ini mensyaratkan sekurang-kurangnya satu peratus daripada keseluruhan unit pembangunan diperuntukkan kepada OKU," katanya.

Mengenai projek RUMAWIP@Sentral yang dibangkitkan, Shahidan menjelaskan bahawa projek pembangunan perumahan di atas tanah PT13105 yang dikenali sebagai RUMAWIP@Sentral telah dibatalkan susulan fungsi penyediaan rumah mampu milik dipusatkan di



KEDUA-dua residensi merupakan rumah berstrata yang mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air dan satu tempat letak kereta mesra OKU.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) sebagaimana yang dimaklumkan oleh KPPT kepada Jemaah Menteri pada 3 Ogos 2018.

Shahidan berkata, kerajaan amat prihatin ke atas keperluan membina rumah mampu milik di atas lot terbabit dan telah bersetuju untuk membangunkan Rumah Prihatin Keluarga Malaysia berharga tidak melebihi RM200,000.

"Status pada masa kini, projek ini telah mendapat Kelulusan Kebenaran Pendirian Merancang

Bangunan pada 5 Disember 2021 dan pelaksanaan di tapak dijangka akan bermula pada suku kedua tahun ni," katanya.

Tambahnya, keperluan bagi pembinaan rumah RM90,000 tidak termasuk dalam keputusan kerajaan bagi membina Rumah Prihatin Keluarga Malaysia.

"KWP melalui Perbadanan Putrajaya (PPj) akan membincangkan perkara ini dengan pemaju keperluan rumah mampu milik di bawah harga RM100,000," katanya.

WK

DBKL sentiasa prihatin, jaga kebajikan OKU

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa prihatin mengenai kebajikan dan keperluan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam menyediakan kemudahan untuk golongan tersebut di Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, bagi menjadikan Kuala Lumpur mesra OKU, ia berpandukan kepada prinsip Agenda Perbandaran Baharu (*new urban agenda*) yang mahu memastikan pembangunan dan pengurusan bandar Kuala Lumpur sesuai untuk semua (*no one left behind*).

"DBKL mensyaratkan supaya setiap pembangunan/fasiliti adalah seperti berikut di kompleks sukan; kompleks komuniti; taman-taman awam; dewan serbaguna; pusat penjaja; tandas awam dan perpustakaan komuniti.

"Ia antara lain menggalakkan penyediaan dan penyebaran maklumat dan komunikasi dalam format yang dapat diakses dan difahami oleh golongan OKU," katanya.

Beliau berkata DBKL turut memperuntukkan insentif bagi Pembangunan Kebajikan Sosial OKU di dalam aspek perumahan dan telah melaksanakan kerja menaik taraf serta penambahbaikan kepada Perumahan Awam (PA) Projek Perumahan Rakyat (PPR) melalui bantuan dan kemudahan yang diberikan kepada OKU.

Agenda Perbandaran Baharu merangkumi penyediaan akses tanpa halangan fizikal kepada kemudahan

masyarakat juga dipertingkatkan di kawasan komersial, pusat beli-belah, bangunan pejabat dan kawasan kediaman berdasarkan *Malaysia Standard Code of Practise on Access of Disabled Person* (MS1184:2014 & 2017) selaras dengan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685).

Shahidan berkata, DBKL kini sedang melaksanakan projek perintis yang mesra OKU bagi semua kategori bangunan untuk dijadikan rujukan dan meningkatkan alam persekitaran mesra OKU.

"Contoh projek perintis untuk setiap bangunan/fasiliti adalah seperti berikut di kompleks sukan; kompleks komuniti; taman-taman awam; dewan serbaguna; pusat penjaja; tandas awam dan perpustakaan komuniti.

"Ia antara lain menggalakkan penyediaan dan penyebaran maklumat dan komunikasi dalam format yang dapat diakses dan difahami oleh golongan OKU," katanya.

Beliau berkata, DBKL turut memperuntukkan insentif bagi Pembangunan Kebajikan Sosial OKU di dalam aspek perumahan dan telah melaksanakan kerja menaik taraf serta penambahbaikan kepada Perumahan Awam (PA) Projek Perumahan Rakyat (PPR) melalui bantuan dan kemudahan yang diberikan kepada OKU.

WK

Libatkan 72 lokasi yang telah dikenal pasti

5,000 gerai bazar Ramadan sekitar KL



SHAHIDAN turut meluangkan masa beramah mesra bersama penjaja di Jalan Dungun dan Jalan Gelenggang Selasa lalu.

DIANA AMIR

SEBANYAK 5,000 gerai bazar Ramadan akan beroperasi di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjelang Ramadan tahun ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata ia akan melibatkan 72 lokasi yang telah dikenal pasti.

“Ia akan beroperasi setiap hari sepanjang Ramadan bermula pukul 3 petang sehingga 8 malam.

“Di Putrajaya dan Labuan juga akan diadakan jualan bazar seperti ini walau bagaimanapun jumlahnya akan dimaklumkan kemudian,” katanya ketika melawat tapak penyusunan semula penjaja di Jalan Dungun dan Jalan Gelenggang pada Selasa.

Berkenaan prosedur operasi standard (SOP), beliau memaklum-

kan pihaknya akan melantik seramai 10,000 sukarelawan sebagai duta komuniti yang akan membantu mengingatkan orang ramai berkenaan pematuhan SOP.

Tambahnya lagi, penyusunan semula penjaja akan turut diperkenalkan di seluruh Kuala Lumpur dan beberapa lokasi yang telah dikenal pasti oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Penyusunan semula merupakan matlamat DBKL bagi membolehkan penjaja menjalankan perniagaan dengan lebih kondusif, berpusat serta sistematis dan yang paling penting kita mahu memastikan bahawa penduduk sekitar tidak merungut dengan kehadiran peniaga ini.

“Tambahan pula kawasan digunakan adalah tempat awam yang tidak akan mendatangkan kesan terhadap mereka,” ujarnya.

Shahidan berkata melalui penyusunan ini juga sebuah aplikasi bakal dibangunkan dengan kerjasama antara DBKL dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

“Aplikasi digital ini adalah bagi memudahkan orang ramai mendapatkan makanan atau barang yang dijual oleh peniaga sekitar Kuala Lumpur terutama di bulan Ramadan.

“Selain berniaga di tepi jalan kita juga mahu peniaga untuk memberi fokus terhadap perniagaan secara online dan diharapkan ia akan memanfaatkan peniaga di sekitar Kuala Lumpur ini,” jelasnya.

Sementara itu, Shahidan memaklumkan program penyusunan ini juga mendapat kerjasama baik daripada YWP yang memberi sumbangan khemah kepada lebih 30 peniaga di Jalan Dungun dan Jalan Gelenggang. **WK**

Sasaran purata kelajuan 50Mbps di Putrajaya berjaya dicapai

DIANA AMIR

SASARAN purata kelajuan 50Mbps di kawasan Persiaran Boulevard di Presint 1 hingga Presint 6 Putrajaya telah berhasil dicapai dan kerja-kerja pembinaan struktur telekomunikasi baharu dan proses menaik taraf struktur sedia ada juga sedang giat dilaksanakan dan dijadualkan akan siap sepenuhnya pada bulan Mei 2022.

Ia dilaporkan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Induk Infra Digital Smart Putrajaya Bil 1/2022 yang telah diadakan baru-baru ini. Mesyuarat yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Pegawai Operasi MCMC, Datuk Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus, dengan Naib Presiden (Undang-Undang), Perbadanan Putrajaya (PPj), Kamal Azira Hassan telah membincangkan isu berkaitan liputan dan tahap kelajuan internet di Putrajaya. Turut dilaporkan ialah pencapaian sasaran-sasaran yang telah berjaya dicapai khususnya sepanjang tahun 2021.

Menurut kenyataan bersama Suruhanjaya Komunikasi dan

Multimedia Malaysia (MCMC) dan Perbadanan Putrajaya,

“Isu liputan internet di Kompleks Pejabat Kerajaan Parcel F telah berjaya diselesaikan dan sasaran purata kelajuan 50Mbps di kawasan Persiaran Boulevard di Presint 1 hingga Presint 6 telah berjaya dicapai. Apa yang penting pada masa sekarang ialah bukan sahaja mengekalkan pencapaian tersebut tetapi juga memastikan agar penyedia perkhidmatan meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan dalam menyediakan pengalaman terbaik dan untuk kepuasan pengguna” katanya.

Tambahnya lagi, bagi merealisasikan aspirasi ini sebanyak 29 struktur telekomunikasi baharu yang dikenali sebagai *Distributed Radio Access Network* (DRAN) telah dibangunkan di Putrajaya. Disamping itu juga, sebanyak 31 struktur pemancar komunikasi sedia ada juga telah dinaik taraf.

“Ia bagi memastikan kualiti dan kapasiti perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar di Putrajaya dapat dipertingkatkan di mana usaha ini digerakkan secara bersama oleh

MCMC dan PPj dengan kerjasama syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi,” ujarnya.

MCMC berkata mesyuarat ini juga turut mengumumkan persetujuan daripada pihak PPj untuk menggunakan pakai Sistem Pengurusan Permit Infrastruktur Komunikasi/Communication Infrastructure Permit Management System (CIPM).

“Penggunaan sistem CIPM ini bertujuan untuk memudahkan urusan permohonan dan kelulusan pembaharuan permit prasarana telekomunikasi.

“Di samping itu ianya juga memperkuatkkan tadbir urus dan sistem penyampaian kerajaan melalui perkhidmatan teknologi digital dan secara dalam talian bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta efektif,” jelasnya sambil menambah satu majlis permeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) CIPM di antara MCMC dan PPj akan diadakan di satu majlis bersasaran dalam masa terdekat.

Menerusi mesyuarat itu, MCMC berkata status pelaksanaan 5G oleh Digital Nasional Berhad (DNB) di Putrajaya turut dilaporkan, di mana sebanyak 125 tapak telah dirancang sepanjang tahun 2021-2022 dan setakat ini sebanyak 45 tapak telah pun siap beroperasi sepenuhnya.

Pengarah MCMC Wilayah Persekutuan, Alyas Roy Haji Amir yang ditemui di mesyuarat itu berkata bahawa platform seumpama ini sememangnya sangat penting bukan sahaja mendorong ikatan sosial dan kerjasama yang lebih kuat an-

tara ahli jawatankuasa tetapi juga menjadi pusat penjanaan minda dan pengembangan idea serta penghasilan gerak kerja yang lebih produktif dan efektif.

“Mesyuarat juga bersetuju supaya frekuensi kekerapan mesyuarat ini diadakan dalam 2 kali setahun atau lebih mengikut keperluan,” katanya. **WK**



LAWATAN tapak di Kompleks Pejabat Kerajaan Parcel F berkenaan isu liputan



MCMC, PPj bersama wakil telco selepas Mesyuarat Jawatankuasa Induk Infra Digital Smart Putrajaya Bil 1/2022 yang diadakan di Hotel Pulse Grande, baru-baru ini.

PENGELUARAN KWSP

BERMULA
1-30 APRIL 2022

- 1 Ahli perlu pastikan akaun bank aktif dan di bawah nama sendiri
- 2 Dibuka kepada ahli di bawah umur 55 tahun
- 3 Pembayaran pada 20 April dalam satu bayaran
- 4 Dikredit ke akaun bank simpanan atau semasa ahli
- 5 Ahli digalak semak baki simpanan KWSP sebelum buat pengeluaran
- 6 Minimum pengeluaran RM50 & maksimum RM10,000
- 7 Ahli perlu gunakan sepenuhnya baki dalam Akaun 2 sebelum mengakses Akaun 1
- 8 Ahli perlu kekalkan minimum RM100 dalam akaun

MAXIMUM LANJUT

Ask ELZA dalam laman web KWSP

Hotline Pengeluaran Khas 03-8922 4848

Berjumpa pegawai khidmat nasihat ahli di cawangan KWSP seluruh negara

Diterbitkan: 29 Mac 2022

Inforgraphic Bernama

Tiada punca kuasa wujud jawatan Timbalan Datuk Bandar

Datuk Bandar KL dibantu empat PE

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
Khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
odhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Nooreeza Hashim
nooreezahashim.wilayahku@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslani
nhmm886@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my

JAWATAN Datuk Bandar Kuala Lumpur dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong merupakan sebuah Perbadanan Tunggal di bawah Seksyen 5 Akta Ibukota Persekutuan 1960.

Di bawah Akta tersebut tiada peruntukan sebagai punca kuasa untuk melantik Timbalan Datuk Bandar.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, pada ketika ini sekiranya ada cadangan mengenainya maka secara perundangannya ia masih belum boleh dilaksanakan.

"Buat masa ini pelaksanaan tugas Datuk Bandar Kuala Lumpur dibantu oleh empat orang Pengarah Eksekutif serta Pengarah-pengarah Jabatan dan para Pegawai DBKL sebagai pegawai yang diwakilkan kuasa untuk melaksanakan fungsi dan tugas Datuk Bandar," katanya ketika penggulungan di Dewan



SHAHIDAN ketika menjawab soalan di Dewan Negara pada Isnin lalu.

Negara pada Isnin.

Jelasnya, Putrajaya dan Labuan

tidak terletak di bawah Akta 190

ini kerana mereka ada akta mas-

ing-masing iaitu Akta Perbadanan Putrajaya (Akta 536) dan Akta Perbadanan Labuan 2001 (Akta 609).

"Mengikut Seksyen 5, Akta Perbadanan Putrajaya (Akta 536), Presiden adalah bertindak sebagai Pengurus Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya dan juga se-laku Ketua Eksekutif (Seksyen 14) yang bertanggungjawab mengurus perjalanan Perbadanan Putrajaya.

"Bagi Perbadanan Labuan (PL) pula, PL melaksanakan fungsi Kerajaan Tempatan Dan fungsi-fungsi seperti yang disenaraikan di bawah Akta PL 2001 (Akta 609) yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif," katanya.

Walau bagaimanapun, Shahidan berkata, pihaknya akan memulakan perbincangan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan dengan cadangan tersebut. WK

JAWI anjur program menarik sepanjang Ramadan

MENJELANG sambutan bulan Ramadan Ahad ini, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) akan menganjurkan pelbagai program bagi menarik umat Islam mengimarahkan bulan tersebut yang dikenali sebagai pesta ibadah.

Dalam satu kenyataan, JAWI berkata, antara program yang menarik meliputi pengisian ibadah, kerohanian, pembudayaan ilmu dan kemasyarakatan di semua premis di bawah seliaan JAWI seperti masjid, surau dan Sekolah Rendah Agama (SRA) serta aktiviti turun padang menyantuni golongan sasaran yang memerlukan.

"Antara program yang diaturkan adalah Majlis Pelancaran Semarak Ramadan, Diari Ramadanku, Seminar dan Forum Ambang Ramadan, slot madrasah Ramadan dan Fiqh Ramadan di Konti Radio JAWI, kempen jom infaq dan masjid di hatiku, ziarah dakwah dan silaturrahim bersama penduduk setempat, pelancaran Road To Ramadan,

Seminar Tadabbur al-Quran, program iftar atau berbuka puasa di masjid, kongsi rezeki agihan bubur lambuk dan kurma, berkat sahur, ziarah kasih Ramadan bersama asnaf dan gelandangan, kenduri arwah sekampong, dan gotong royong membersihkan tanah perkuburan," katanya.

JAWI berkata, program tersebut dilaksanakan bertujuan memberikan peluang kepada orang ramai untuk melipatgandakan amalan ibadah, mendalami ilmu berkaitan ibadah puasa serta menzahirkan keprihatinan dan perasaan empati terhadap kesusahan yang dialami oleh insan lain terutamanya dalam bulan Ramadan yang mulia.

"Orang ramai berpeluang merebut kesempatan untuk menyertai pelbagai program yang disajikan sama ada secara dalam talian mahupun secara fizikal selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya. WK



CERITA KEDAI KOPI

Usul Sosma, AP ponteng

KERAJAAN gagal dalam pengundian usul melanjutkan tempoh peguatuasaan Subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma) pada persidangan parlimen 23 Mac lalu.

Usul yang dianggap penting bagi keselamatan negara ini bertujuan melanjutkan tempoh kuat kuasa Subseksyen tersebut dan mengelakkannya berlaku selama 28 hari untuk lima tahun lagi. Tempoh kuat kuasa Subseksyen akan berakhir Julai ini.

Melalui undi belah bahagi, kerajaan memperoleh 85 undi, pembangkang 86 undi. Tewas hanya satu undi, dengan 50 orang ahli parlimen (AP) di pihak kerajaan dan pembangkang tidak hadir sekutu pengundian.

Kawan-kawan Kedai Kopi risau juga dengan apa yang berlaku. Pertama kegagalan usul tersebut, dan kedua kerana terlalu ramai ahli parlimen yang ponteng ketika pengundian, sesuatu yang tidak harus berlaku.

Lantaran kegagalan tersebut, timbul pelbagai persepsi, seperti menggugat Memorandum Persefahaman (MoU) pambangkang dengan kerajaan yang ditandatangani apabila Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilantik menjadi Perdana Menteri.

Di bawah memorandum tersebut, pembangkang hendaklah menyokong usul kerajaan atau sekurang-kurangnya berkecuali. Apa yang terjadi dianggap melanggar prinsip MoU ini. Ekoran itu timbul desakan agar MoU digantung, parliment dibubar dan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 diadakan.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi lega apabila beberapa pemimpin parti, termasuk UMNO yang menunjangi kerajaan, menegaskan hubungan gabungan parti-parti dalam kerajaan terjejas hanya kerana peristiwa tersebut.

Tentunya ini menghilangkan kerisauan. Pada peringkat ini rakyat mengharapkan kerajaan tidak akan diganggu gugat memandangkan ia masih dalam proses melaksanakan pelbagai program untuk kesejahteraan rakyat dan makmuran negara.

Ini termasuk usaha gigih yang dilakukan bagi merancakkan pertumbuhan sektor ekonomi dan sosial, di samping membuka lebih banyak peluang kerja untuk rakyat. Menganggu kerajaan atau mendesak PRU diadakan segera bukan

keutamaan ketika ini.

Hari ini, 1 April, negara melakar era baharu melangkah masuk ke fasa endemik COVID-19. Dengan peralihan daripada pandemik bererti virus tersebut dianggap sebahagian daripada kehidupan harian. Namun ia tetap dikawal agar tidak merebak.

Sejajar dengan peralihan ke endemik, sempadan negara akan dibuka yang membolehkan pelancong datang semula ke negara ini. Solat di masjid dan surau juga sudah tidak perlu penjaraan fizikal, sebaliknya saf dirapatkan.

Kerajaan sedang melakukan yang terbaik agar negara kembali pada keadaan normal seperti sebelum COVID-19 menyerang. Oleh itu kerajaan mesti dibiarkan melaksanakan tugas ini. Jangan sampai ada usaha untuk mengalihkan fokus ini. Sebaliknya rakyat mesti sama-sama membantu.

Dalam pada itu kawan-kawan Kedai Kopi juga kesal dengan sikap ahli parlimen, baik daripada pihak kerajaan atau pembangkang, yang gagal hadir ketika pengundian untuk meluluskan usul Sosma tempoh hari.

Kisah wakil rakyat 'hilang' ketika persidangan parlimen berlangsung sudah kerap kedengaran. Tetapi kali ini terlalu ramai ponteng ketika pengundian isu yang sangat penting berhubung keselamatan negara.

Yang lebih mengecewakan ialah wakil rakyat di pihak kerajaan juga ramai ponteng. Jika mereka datang mengundi, kawan-kawan Kedai Kopi percaya usul yang dibentang dapat diluluskan.

Sikap mereka ini memberi persepsi kurang baik kepada rakyat. Apabila mereka dipilih, harapan rakyat yang meletakkan mereka di dewan mulia itu ialah agar wakil rakyat komited melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi.

Diharap kekalahan kerajaan dalam usul Sosma ini menjadi ictibar kepada ahli parlimen, khususnya di pihak kerajaan, bahawa kehadiran mereka sepanjang masa ketika persidangan parlimen sangat penting. Sememangnya pun itu tugas hakiki.

Ingat sewaktu berkempen berapi-api berteriak sanggup berkorban masa dan tenaga untuk rakyat dan negara. Peganglah janji ini. Bukan disuruh buat kerja berat atau dalam hujan panas. Tugasnya hanya datang persidangan, dalam bilik berhawa dingin lagi. Elaun pun dapat.

Kawan-kawan Kedai Kopi berpendapat, mereka yang berangan hendak terus jadi Yang Berhormat (YB) atau berangan hendak jadi YB, ingat baik-baik pesanan ini. Tidak perlu menawarkan diri jika tidak bersedia memikul tanggungjawab yang datang bersamanya.



JUMPA ANDA
DISANA!



FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA 2022

Mari Semarakkan Cinta Ramadan Bersama
Barisan Artis Serta Selebriti Dakwah Tanah Air

31 MAC
2022 ► **3 MEI**
2022
10 Pagi Hingga 12 Malam

**DATARAN PUTRAJAYA,
PRESINT 3**

#FestivalRamadanPutrajaya2022

#FRP2022



Festival Ramadan Putrajaya 2022



Festival_rputrajaya2022



@2022_FPutrajaya



www.festivalramadanputrajaya.com

PENAJA
STRATEGIK:



RAKAN STRATEGIK:



RAKAN STRATEGIK:



Insaf seorang demonstran



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

SEBAIK sahaja menghala lensa kamera ke arah gerombolan demonstran yang semakin hampir, tiba-tiba ada semacam lembaga terjun dan terkena di belakang saya. Dalam hati berkata, sah ini penyeluk saku. Saya tidak mengambil masa lama untuk bertindak.

Dengan pantas siku dan kaki pun bertindak untuk menyelamatkan dompet. Seorang anak muda berbaju T berlambang tengkorak yang menutup muka dengan sapu tangan merah terbaring di celah kaki saya. Dia mengelupur hendak bangun tetapi berdaya.

Dia ketakutan. Seluar jeans lusuh yang koyak penuh debu pasir. "Maaf abe, ambo terlanggar abe tadi. Maaf abe..." Saya masih lagi tidak melepaskan, ternyata dia bukan watak penyeluk saku.

Saya masih ingat hari itu Sabtu dalam bulan Ogos tahun 1998. Saya berada di sebalik tembok dekat Bangunan Sultan Abdul Samad. Di situ ada mahkamah. Sudut tempat saya berdiri itu amat cantik untuk merakam pergerakan demonstran perhimpunan haram reformasi.

Perhimpunan haram itu tercetus ekoran pemecatan Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Tempat saya berdiri itu juga terlindung dan selamat daripada Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) yang ligat melibas para demonstran untuk menyuraikan perhimpunan.

Anak muda tadi berkali-kali minta maaf. Saya menarik sapu tangan merah yang menutup separuh mukanya. Dia masih muda, jangkaan saya dalam lingkungan sebelum 30-an, jauh lebih muda berbanding saya yang sudah berusia 38 tahun. Peluh merenik di mukanya. Cemas dan ketakutan.

Ternyata dia bukan penyeluk saku atau perompak yang terliur tengok kamera saya.

Saya menarik tangannya untuk bangun. Dia masih ketakutan dan kebinggungan. Saya berpaling ke arah gerombolan demonstran yang sudah melepas tempat saya berlindung.

Keadaan anak muda itu canggung menunjukkan dia orang luar atau baru menetap di bandar raya itu. Perwatakannya tidak gedebe seperti sesetengah anak muda yang samseng. Barangkali baru hendak 'hidup' dan menjadi



RAMAI yang menyertai demonstrasi 1998 akhirnya insaf bahawa perjuangan yang dilaungkan hanyalah retorik semata-mata. - Gambar hiasan

pejuang seperti kebanyakan yang lain.

"Pasai apa hang terjun macam kena ligan rimau?" tanya saya sambil merenung anak matanya yang kemudian dilarikan ke kiri dan kanan. Melihat fizikalnya, kalau dia melawat pun tidaklah gentar sangat, apa lagi mudah sangat ditumbangkan sebelum itu.

"Ambo mari sini nak berjuang, abe. Berjuang menegak keadilan," kata anak muda itu dengan penuh semangat. Saya senyum sinis memperli dan dia berpaling ke kiri dan kanan. Ternyata terlalu mentah untuk bercakap pasal keadilan dan perjuangan. Saya jangka dia salah seorang demonstran yang lari daripada libasan rotan FRU.

tak tentu hala tu. Hang pula mai dari mana?"

"Ambo mari dari Kota Bharu. Lima saing ambo entah hilang mana. Kami mari nak sokong perjuangan menegak keadilan. Mari nak berjuang," dia masih lagi mengulangi perkataan perjuangan dan keadilan. Saya mula rasa loya. Ah anak muda ini, otak yang mentah simpanlah baik-baik.

"Hang tok sah la buang masa buat kerja yang sia-sia ni. Buang duit mai dari jauh. Puak anarkis tu bukan berjuang. Depa berpestai. Anarkis suka buat *havoc*," tegas saya panjang lebar tetapi dia seperti tidak berpuas hati. Dari matanya saya tahu dia tidak berpuas hati.

"Abe, hidup ni kalau tak ada perjuangan, lebih baik mati saja. Ambo tak mau macam tu...." katanya terhenti. Dia mengesat peluh yang merenik di muka. Saya membuka beg sandang dan menghulurkan sebotol air mineral yang masih sejuk.

Di bawah pohon rendang itu saya memberi kuliah percuma

kepada anak muda bernama Asse Mamat (mungkin Hassan Mamat) itu. Ternyata dia antara anak muda yang naif dan mudah ditunggang. Cakap macam burung kakak tua, ajuk sahaja apa yang didengar.

Saya katakan kepada Asse Mamat yang sudah kehilangan suara supaya tidak memperemehkan istilah perjuangan dan keadilan. Dia nampak amat lelah dan kecewa. Barangkali kerana ego, dia tidak menunjukkan reaksi sudah tewas dengan hujah saya.

Saya pula tidak memerlukan kemenangan. Malah tidak muhur orang mengikut hujah saya secara melulu. Saya muhur orang berfikir. Saya tidak memerlukan orang mengikut tanpa berfikir.

Kami bergerak menyusur ke laluan pejalan kaki di tepi Bank Pertanian dan Dayabumi kemudian melintas jambatan ke Central Market. Saya mengajak dia ke Restoran Yusoff dalam Central Market.

Antara yang ada dalam restoran mamak itu Dalam restoran itu Loloi (penulis lirik), T Alias Taib (penyair), Sani Sudin (Kopratasa), Iedet (pelukis potret) dan beberapa lagi.

Dari jauh di pintu belakang menghala ke Central Square, A. Samad Said bercakap-cakap dengan pelukis Aris Aziz. Ketika itu Central Market menjadi markas golongan seniman bertemu dan berbual. Malah yang sudah menjadi artis juga selalu ada di situ.

"Dепа semua tu seniman. Depa pun berjuang juga tapi dengan cara depa. Tak payah nak berpanas buat perhimpunan haram," kata saya sambil mencicipi roti canai dengan kuah kari dan Asse Mamat dengan berselera makan nasi goreng kampung.

"Sat lagi kita pi Masjid Negara. Hang tak payah mai la perhimpunan tu, depa yang atas-atas tu duit bertimbun tak habis makan tujuh keturunan. Hang dapat apa?"

"Abe, ambo nak kelik. Nak gi Stesen Bas Putra. Male ni jugok nak kelik Kota Bharu." Saya terharu campur gembira. Kemudian

berkali-kali Asse Mamat mengeluh seperti menyesal dengan apa yang dilakukan.



KUDAKAP KEMULIAANMU

kuttingalkan kemuliaan Sya'ban bulan keampunan merebut rahmat dan kurniaan memanjatkan kesyukuran

dalam kelam langit malam kudakap erat Ramadhan bulan suci penuh keberkatan pernah kupohon pertemuan mengutip nikmat kehidupan kelazatan janji Tuhan tentang kelebihan Lailatul Qadar amalan lebih baik dari seribu bulan

dalam lipatan sunyi malam kuhela nafas menjadi tasbih biar lenaku menjadi ibadah menitipkan doa menjadi ijahab biarpun dalam seribu kepayahan ketika hati belum ikhlas memaafkan berprasangka sering melakukan

kudakap kemuliaanmu kali ini pada penghujung usia biarpun setiap detik waktu dan perjalannya racun bisa semuga Ramadhan ini penawarnya dan aku redha bertemu Tuhan

Mohamed M.N
Kg. Solok, Tangkak



BAHASA KITA

Saban waktu dalam lingkungan alaf baharu anak watan yang tidak setia meremehkan martabat bahasa kita memijak keluhurannya di bumi sendiri.

Dipilih bahasa penjajah bahasa global, bahasa dagang, kata mereka kita akan lebih terkedepan.

Di dalam forum, seminar, dialog terkadang bahasa kita tercicir di belakang pentas betapa gah bahasa penjajah dijejarkan.

Bahasa kita bahasa watan yang indah dan cantik ayuhlah para ilmuan dan pencinta lontarkan suara kerasmu jadilah singa bahasa letakkan kembali bahasa kita di takhta.

Mohd Salleh Osman
Presint 16, Putrajaya.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



'Selamat datang' endemik, rapatkan saf!

HARI ini Jumaat 1 April 2022. Bukan April Fool! Sebaliknya hari ini adalah detik bersejarah bagi negara kerana mula memasuki era endemik setelah dua tahun dalam era pandemik COVID-19.

Apa beza pandemik dengan endemik? Biar Adi jelaskan sedikit. Pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop lebih besar dan tidak terhad kepada sesuatu negara, daerah atau komuniti semata-mata.

Dalam pandemik, penularan wabak merebak secara meluas sehingga sukar dikawal serta mampu membunuh ramai orang dalam waktu singkat. Gejala inilah yang menimpa negara kita pada peringkat awal COVID-19 menyerang dengan angka jangkitan dan kematian yang tinggi.

Pandemik mengancam kawasan lebih luas seperti sebuah negara, benua, malah seluruh dunia jika dibiarkan melarat tanpa usaha serius untuk mengekang. Seperti kita maklum, COVID-19 yang menyerang negara ini asalnya dari China dan diklasifikasi sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Endemik pula merujuk kepada penyakit atau wabak yang sentiasa wujud di sesuatu kawasan atau daerah tertentu, atau negara, serta sentiasa ada bersama-sama dalam kehidupan kita sehari-hari dalam keadaan terkawal. Dengan kata mudah, kita hidup bersamanya.

Virus masih wujud tetapi merebak pada tahap lebih rendah. Juga terdapat kemungkinan berlaku peningkatan penularan secara bermusim, dan wabak juga masih boleh berlaku.

Penyakit fasa endemik memerlukan program kawalan penyakit yang mantap untuk mengurangkan jangkitan, mengurangkan morbiditi dan mengurangkan kematian. Dalam konteks negara ini contoh penyakit endemik ialah HIV/AIDS, denggi, selesema, tibi dan sebagainya.

Justeru bagi Adi dan kita semua, hari ini begitu bermakna kerana negara bagi 'terlepas' dari ikatan kehidupan penuh katakutan. Lebih dua tahun beban ini dipikul di mana COVID-19 perlu diawasi jangan sampai merebak, menjangkiti dan dijangkiti. Semua usaha ditumpu untuk mengekang penularan.

Lantaran itu negara melaksanakan kaedah pencegahan ketat seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk tempoh yang lama. prosedur operasi standard (SOP) seperti memakai pelitup muka dan penjarakan fizikal dikuasa dan mesti dipatuhi.

Sedikit demi sedikit



PERALIHAN fasa endemik membolehkan solat jemaah dilakukan tanpa penjarakan sosial seperti tahun-tahun sebelum ini.

kelonggaran diberi. Rentas negeri dibenarkan, sektor ekonomi kembali dibuka. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sudah memberi jaminan tidak akan ada lagi pelaksanaan PKP. Sektor ekonomi akan dibuka secara meluas.

Ini dilakukan setelah COVID-19 semakin terkawal. Walaupun masih ada jangkitan, kebanyakannya pada tahap ringan (*mild*), iaitu satu dan dua sahaja. Negara tidak dapat terus hidup dalam kebimbangan dan sudah sampai masanya berlaku anjakan agar negara dan rakyat dapat meneruskan kehidupan tanpa dibelenggu ketakutan berterusan kepada COVID-19. Namun usaha mengawal tetap diteruskan.

Hari ini, dengan memasuki era endemik, rakyat harus menerima COVID-19 sebagai penyakit yang sentiasa berada di sekeliling. Seperti penyakit lain, ia terus dipantau. Aspek rawatan dan pengubatan tetap diberi perhatian utama, kadar jangkitan diturunkan seminimum mungkin.

Adi sendiri berharap dengan memasuki fasa endemik, negara dan rakyat akan perlahan-lahan

kembali melalui kehidupan seperti sebelum pandemik menyerang. Namun semua mesti tetap berwaspada. Kerana itu SOP seperti pemakaian pelitup muka masih dikuat kuasa.

Kita bersyukur kerana sebelum pun fasa endemik bermula, sektor ekonomi sudah mula dibuka dan bersamanya turut membuka peluang pekerjaan untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi dan kecemasan di pasaran.

Semoga ramai rakyat yang terjejas kerana hilang kerja dan sumber pendapatan apabila banyak sektor ekonomi tidak beroperasi atau gulung tikar sebelum ini akan kembali memperoleh sumber rezeki.

Peralihan ke fasa endemik juga menyaksikan pembukaan sempadan negara. Rakyat negara ini boleh bergerak ke luar sementara pelancong asing pula boleh datang ke negara ini. Adi percaya langkah ini disambut baik oleh mereka yang sudah rindu datang ke sini.

Langkah positif ini membuka lebih luas sektor pelancongan, antara sektor yang terjejas teruk akibat gejala COVID-19. Sekali

SKETSA



“Adi sendiri berharap dengan memasuki fasa endemik, negara dan rakyat akan perlahan-lahan kembali melalui kehidupan seperti sebelum pandemik menyerang. Namun semua mesti tetap berwaspada. Kerana itu SOP seperti pemakaian pelitup muka masih dikuat kuasa.

pun sektor pelancongan dalam negara sudah dibuka, sumber pelancongan luar negara mampu memberi perolehan lebih banyak. Inilah masa sektor ini kembali meraih perolehan selepas merana ketika PKP dahulu.

Satu lagi perkara yang signifikan pada pandangan Adi, sejak peralihan ke fasa endemik solat berjemaah di surau dan masjid di Wilayah Persekutuan boleh dilakukan dengan merapatkan saf. Tiada lagi penjarakan fizikal yang diamalkan selama tempoh PKP sehingga semalam (31 Mac).

Memetik Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Datuk Mohd Ajib Ismail, kehadiran jemaah dibenarkan tanpa sekatan umur seperti sebelum ini, asalkan sudah mendapat suntikan vaksin COVID-19. Sebelum ini misalnya kanak-kanak tidak dibenarkan. Jemaah bagaimanapun digalakkan terus membawa dan menggunakan sejadah sendiri.

Memandangkan bulan Ramadan bakal menjelang dengan umat Islam dijangka mula berpuasa mulai lusa (Ahad 3 April), solat sunat tarawih 20 rakaat dibenarkan sepanjang Ramadan. Selain itu, qiamullail selepas tengah malam juga dibenarkan.

Namun begitu penyediaan makanan kepada jemaah, jika ada, digalakkan dibuat dengan cara berbungkus atau *take away*. Cara ini lebih mudah dan tidak melibatkan perkumpulan ramai.

Bagi yang ingin bertadarus Al-Quran pula, dibenarkan berbantuan demikian di masjid dan surau dengan dihadiri oleh kumpulan-kumpulan kecil. Aktiviti ini boleh dijalankan pada mana-mana waktu yang dianggap bersesuaian.

Bagaimana pun Adi ingin ingatkan, semua kebenaran ini adalah tertakluk kepada SOP yang ditetapkan, selaras nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Kelonggaran beribadat ini pasti disambut baik selepas kerajaan pertama kali mengenakan PKP di seluruh negara, melibatkan penangguhan aktiviti

keagamaan di masjid dan surau, termasuk solat Jumaat. Ini selaras dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas pada 15 Mac 2020.

Namun secara perlahan kelonggaran diberi. Mulai Jun 2020, semua masjid, surau Jumaat dan surau dalam zon hijau dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dibuka bagi solat berjemaah dan solat Jumaat mengikut garis panduan ditetapkan di bawah PKP Pemuliharan.

Sebelum ini sekatan beribadah di masjid dan surau, serta penjarakan fizikal menimbulkan polemik kerana ada yang pihak mempertikai kenapa tempat ibadat dikenakan peraturan begitu ketat sedangkan tempat terbuka lain seperti pasar dan pusat membeli belah tidak sedemikian.

Justeru kini apabila semua sekatan ditarik balik, Adi harap lebih ramai akan datang mengimarahkan masjid dan surau di Wilayah Persekutuan, khususnya pada bulan Ramadan mulia.

Di samping khusuk beribadat, jangan lupa SOP yang masih berkuat kuasa seperti memakai pelitup muka. Teruslah berdoa agar COVID-19 dapat segera dibendung serta Malaysia sentiasa dalam perlindungan Allah dan mendapat limpah kesejahteraan daripada-Nya ketika negara mengharungi fasa endemik ini.

Adi—Menunggu Ramadan menjelma

Adi Taib

SAJAK

BULAN DI ATAS SEBUAH KOTA

Pejal batu yang dibina tangan manusia upahan menjadi sejuta harapan ketika cermin dibalut cahaya.

Malam menjadi mimpi tergantung dalam diam bersama sebutir bulan yang menembus setiap lorong setiap permukaan.

Sedang esoknya bahang kota tidak berundur --- selain membakar garing setiap manusia.

Di antara dua saku cerita siang disembunyikan dalam kegelapan kerana perlumba hidup tiada henti --- selain menemuinya Kembali saat bulan dibunuh matahari.

Zulkifli Mohamed
Kemaman, Terengganu

Lihat kaedah terbaik seiring endemik

Aplikasi i-HYA Ramadan ditambah baik

DIANA AMIR

MENJELANG Ramadan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tidak melepaskan peluang untuk menganjurkan pelbagai program khusus buat umat Islam di Wilayah Persekutuan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata berikutnya pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di mana negara bakal memasuki fasa endemik bermula 1 April ini, aplikasi i-Hya Ramadan yang diperkenalkan oleh YWP pada tahun 2020 akan ditambah baik bersesuaian dengan fasa tersebut.

"Aplikasi i-Hya Ramadan digunakan bagi memudahkan mana-mana individu menyampaikan sumbangan berikutnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sejak dua tahun lalu,



ZAIZALNIZAM

namun pada kali ini penambahan akan dilakukan.

"Setiap parlimen akan menggunakan aplikasi tersebut dan kita akan lihat kaedah terbaik yang akan digunakan sesuai dengan fasa endemik," katanya kepada *Wilayahku* ketika melawat tapak penyusunan penjaja bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim di Jalan Dungun dan Jalan Gelenggang pada Selasa.

Tambahnya lagi, kebanyakannya program-program pada bulan Ramadan ini akan dianjurkan bersama pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) seperti program Nur Ramadan.

LAGI GAMBAR DI MUKA 15

"Pemberian sumbangan akan dilaksanakan di peringkat KWP dan juga YWP sendiri dan sebahinya akan diumumkan dari



SHAHIDAN bersama peniaga-peniaga yang dipindahkan di Tapak Penjaja di Jalan Dungun dan Jalan Gelenggang pada Selasa lalu.

semasa ke semasa. Bagi program lain ianya masih di dalam perancangan," ujarnya.

Dalam pada itu, pihaknya juga turut menyumbangkan khemah buat lebih 30 penjaja ketika melawat tapak penyusunan pen-

jaja bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim di Jalan Dungun dan Jalan Gelenggang, pada Selasa.

"Khemah ini adalah sumbangan dari pihak YWP dan Datuk

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8000 8000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

Seri sendiri dalam mempromosikan Wilayah Persekutuan (WP).

"Kita juga akan melihat tentang bagaimana kaedah terbaik dalam mendigitalisasikan peniaga-peniaga yang berada di sini serta di tapak bazar Ramadan," jelasnya berkenaan aplikasi yang bakal diperkenalkan buat penjaja di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. **WK**

Jom jadi ibu Aspirasi Tateh

BAGI menghargai pengorbanan para ibu terutama di kala pandemik ini, Tateh melancarkan 'Ibu Aspirasi Tateh' iaitu suatu program pencarian model ibu yang memberi inspirasi kepada orang lain.

Menurut Pengasas Tateh, **Siti Shafurah Abas** keadaan masyarakat termasuklah golongan ibu bapa yang masih bergelut dalam kehidupan serta mencari sumber aspirasi yang mereka boleh contohi.

"Kehadiran program ini diharap dapat menaikkan kembali semangat ibu di luar sana supaya terus berjuang dan tidak berputus asa."

"Program ini turut ingin memberi penghargaan kepada ibu yang terpilih atas semangat juang dan contoh baik yang mereka berikan," katanya ketika Sambutan Majlis Ulang Tahun Tateh yang ke-10 baru-baru ini.



SITI Shafurah (kanan) ketika gimik pelancaran sempena Sambutan Majlis Ulang Tahun Tateh yang ke-10, baru-baru ini.

utama bakal memenangi sebanyak RM10,000 dan RM1,000 kepada lima pemenang lain," ujarnya sambil menambah bahawa program khas ini juga bagi memberi aspirasi kepada wanita lain.

Siti Shafurah berkata objektif butiknya adalah untuk sentiasa memberikan keselesaan, kasih sayang dan produk boleh diperlukan kepada para ibu bapa yang mementingkan keselamatan kualiti produk.

"Kini kami mempunyai 15 cawangan di Malaysia dengan keahlian sahabat Tateh seramai 50,000 orang pengikut Tiktok 55,000 orang, Facebook 100,000 dan Instagram 56,000 orang dengan lebih 500,000 viewer," tambahnya.



OFFSPRING Bath & Skin Care antara produk Tateh.

Dalam pada itu, pihaknya turut mengalu-alukan mana-mana pihak luar yang mahu mempromosikan produk mereka menerusi Tateh dengan pelbagai faedah dijanjikan dan boleh menghubungi **019-333 3949** atau emel di admin@tateh.com.my atau boleh melayari laman sesawang www.tateh.com.my untuk maklumat lanjut. **WK**

Kemampuan rakyat memiliki rumah membimbangkan

KEMAMPUAN isi rumah untuk membeli rumah masih membimbangkan susulan berlaku ketidakpadanan dari segi harga yang ditawarkan pemaju.

Susulan itu, pasaran dilihat gagal menyediakan rumah mampu milik yang secukupnya untuk rakyat Malaysia.

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM) dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua yang dikeluarkan hari ini, 76 peratus isi rumah di Malaysia adalah berpendapatan atau kurang daripada RM8,333 sebulan yang mana mereka hanya mampu memiliki rumah berharga sehingga RM300,000.

"Namun hanya 36 peratus daripada unit perumahan yang baru dilancarkan adalah berharga kurang daripada RM300,000.

Menurut laporan itu, Melaka menjadi satu-satunya negeri di Malaysia yang harga rumah adalah mampu milik apabila mencatatkan nisbah harga rumah kepada pendapatan pada kadar 3.0 dan ke bawah.

Katanya, Johor, Perak, Sarawak, Sabah dan Kelantan pula berada pada kategori paling teratas iaitu benar-benar tidak mampu milik apabila merekodkan mata 5.1 dan ke atas.

"Negeri lain pula di kategori sangat tidak mampu milik apabila merekodkan mata di antara 4.1 hingga 5.0 manakala tiada wakil di dalam kategori agak hampir tidak mampu milik yang merekodkan ma-

ta di antara 3.1 hingga 4.0.

"Di peringkat kebangsaan, harga rumah di Malaysia adalah sangat tidak mampu milik apabila mencatatkan 4.7 kali untuk tahun 2020, meningkat daripada 4.1 kali pada 2019.

"Ini berdasarkan pengiraan harga rumah median pada 2020 adalah RM295,000 manakala pendapatan tahunan median pula RM62,508," katanya.

Pengiraan bagi menentukan sebuah rumah dianggap mampu milik adalah jika harga rumah berbanding pendapatan tahunan adalah sama atau kurang daripada 3.0 kali.

Mengulas lanjut laporan itu berkata, punca mengapa harga rumah sangat tidak mampu dimiliki oleh rakyat kerana bagi sesetengah rakyat, kemampuan memiliki rumah terhad disebabkan pendapatan yang tidak mencukupi dan tahap hutang yang tinggi.

Katanya, pendapatan rakyat berkembang lebih perlahan daripada harga rumah apabila kadar pertumbuhan tahunan terkompaun bagi pendapatan meningkat 2.1 peratus manakala harga rumah 4.1 peratus dari tahun 2014 hingga 2020.

"Selain itu, bakal peminjam juga sudah dibebani hutang yang tinggi. 65 peratus peminjam sudah memiliki sama ada pinjaman kerosa atau pinjaman peribadi, sekali gus mengehadkan keupayaan mereka untuk membuat pinjaman baharu bagi perumahan," katanya. **WK**

REALITI KEHIDUPAN

ronakota

1 - 7 APRIL 2022 . BIL 160

Wilayah Ku



Jelajah Keluarga Malaysia Perlis

Keterangkuman, kebersamaan, kesyukuran





AZLAN ZAMBRY

PENGANJURAN Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia merupakan salah satu inisiatif untuk mengukuhkan struktur masyarakat dan pada masa sama meningkatkan hubungan dengan kerajaan.

Pandemik COVID-19 telah menjadikan ekonomi dan sosial masyarakat. Ekoran itu, ia mendorong kerajaan untuk berikhtiar membantu masyarakat dan meningkatkan keupayaan golongan tersebut untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Penganjuran JAKM peringkat

negeri Perlis baru-baru ini telah membuka lembaran baharu untuk golongan rakyat yang memerlukan bantuan dan sokongan daripada kerajaan.

Meskipun ia dilaksanakan berbentuk karnival, namun aspek penyampaian informasi berkaitan dengan operasi dan fungsi setiap kementerian tidak diabaikan sekali gus pengunjung mendapat maklumat yang sahih berkenaan dasar kementerian dan produk di bawah kementerian serta agensi yang menyertai.

Jelajah AKM yang bermula Jumaat sehingga Ahad itu diterajui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Dalam ucapannya, beliau berkata, pelbagai program telah disediakan

untuk memberi kemudahan dan kefahaman mendalam kepada semua mengenai konsep Aspirasi Keluarga Malaysia yang menitik beratkan 'Keterangkuman' (*Inclusivity*), 'Kebersamaan' (*Common Ground*) dan 'Kesyukuran' (*Contentment*).

Beliau juga menaruh keyakinan bahawa setiap lapisan masyarakat sudah sebatи dengan konsep Keluarga Malaysia yang fokus utamanya ialah menyatu padukan rakyat ke arah kesejahteraan ekonomi, kestabilan politik seterusnya memulihkan negara dalam situasi mencabar ini.

Aspirasi Keluarga Malaysia adalah manifestasi daripada semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Justeru itu, JAKM adalah untuk membentuk dan

mengenangkan semangat kekitaan, kebersamaan dan membina muafakat di antara kerajaan dan rakyat demi menuju kejayaan bersama.

BUKAN SEKADAR KARNIVAL

JELAJAH AKM ini tidak hanya berbentuk karnival semata-mata, sebaliknya ia sarat dengan program yang merangkumi penyampaian maklumat, hiburan, keusahawanan dan kebajikan. Kesemua bidang ini sememangnya dekat dengan kehidupan setiap Keluarga Malaysia.

Ketika majlis perasmianya, Perdana Menteri telah mengumumkan tiga berita gembira untuk Keluarga Malaysia. Ia adalah mengenai penyediaan Skim Insurans Keluarga Malaysia

bagi memberi perlindungan sosial kepada golongan miskin dan miskin tegar, pelancaran Program Duta Komuniti Keluarga Malaysia selaras dengan peralihan negara memasuki fasa endemik serta pembukaan pintu sempadan di Wang Kelian (Perlis) dan Bukit Kayu Hitam (Kedah) mulai 1 April 2022.

Selain itu, antara program yang dilaksanakan adalah semua rakyat di Perlis berpeluang untuk mengetahui lebih mendalam mengenai produk-produk atau perkhidmatan yang dijalankan oleh setiap kementerian. Reruai yang disediakan sarat dengan pelbagai aktiviti yang tertumpu kepada pendidikan selain daripada maklumat-maklumat mengenai perkhidmatan yang ditawarkan.

Turut diadakan Program Jualan Keluarga Malaysia yang



PERDANA MENTERI, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tengah) bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (dua kiri) dan Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar (dua kanan), diperhatikan oleh Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah ketika lawatan di booth KWP semasa Program JAKM Negeri Perlis 2022.

memberikan potongan harga sehingga 30 peratus lebih murah berbanding harga asal ke atas barang runcit termasuk minyak serta ayam daging. Inisiatif ini dilaksanakan bagi membantu golongan berpendapatan rendah B40 dan ke bawah untuk mendapatkan barang runcit dengan harga murah melalui program tersebut.

Jelajah ini turut memberikan limpahan ekonomi kepada peniaga tempatan yang mengambil peluang berniaga di dalam kawasan karnival. Terdapat lebih 20 food truck telah diberikan peluang berniaga sekali gus peniaga tersebut berjaya memperolehi 'bonus' menjelang ketibaan bulan Ramadan ini.

Selain itu, antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia telah menawarkan sebanyak 4856 pelbagai

kekosongan jawatan daripada 27 majikan.

WARGA TEMPATAN BANJIRI JAKM

SUDAH pasti matlamat utama kerajaan dalam penganjuran ini adalah penyertaan daripada warga setempat. Menerusi penganjuran kedua ini, warga tempatan bertali arus membanjiri Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar ini sekali gus membuktikan program seumpama ini mendapat sokongan daripada warga tempatan.

Pelbagai lapisan masyarakat dilihat tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan maklumat dan perkhidmatan, manakala golongan muda dilihat membanjiri reruai yang menempatkan agensi menawarkan perkhidmatan berkaitan dengan keusahawanan dan lain-lain.

Selain itu, pengusaha produk

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) turut tidak melepaskan peluang untuk turut menyertai pameran di program ini. Sebanyak 114 gerai jualan usahawan IKS dan program padanan perniagaan dalam siri jelajah ini turut merancakkan aktiviti ekonomi terutamanya kepada usahawan tempatan.

Pameran ini turut melibat pelbagai produk hasil usaha anak tempatan yang mempunyai kualiti setanding produk antarabangsa turut dipamer dan dijual di program ini. Antara yang menarik perhatian sudah pastinya ikon kebanggaan warga Perlis, mangga Harumanis termasuk produk huluan dan hilirannya seperti jus mangga harumanis yang ditawarkan di sini.

Penganjuran jelajah ini merupakan komitmen kerajaan untuk menyumbang kepada rakyat melalui penganjuran program yang berfokuskan kepada perkhidmatan

secara langsung sekali gus menyatupadukan Keluarga Malaysia ke arah kesejahteraan ekonomi seterusnya memulihkan negara dalam situasi mencabar ini.

Ia sekali gus menjadikan program jelajah ini menepati harapan Perdana Menteri yang mahukan keterangkuman semua pihak dalam

memaknai kejayaan Keluarga Malaysia. **WK**



KETUA Pegawai Eksekutif YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) Datuk Zaizalnizam Zainun (berdiri empat kiri) mengetuaui sukarelawan YWP ke Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Perlis.



SEKRETERIAT pengajur Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Perlis menganggarkan hampir 15,000 warga Perlis mengunjungi program tersebut yang berlangsung selama tiga hari bermula 25 hingga 27 Mac 2022 bertempat di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar.

Sekretariat Program Jelajah AKM berkata, program yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob merupakan kesinambungan daripada kejayaan penganjuran Program 100 Hari Aspirasi keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 9 hingga 12 Disember 2021 lalu di mana siri pertama telah diadakan di negeri Johor pada 3 hingga 5 Mac 2022 manakala siri jelajah kedua diadakan di negeri Perlis.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) merupakan kementerian peneraju bagi jelajah ini dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan negeri Perlis selaku tuan rumah dan Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU), Jabatan Perdana Menteri yang merupakan penyelaras utama program ini.

"Sepanjang program tiga hari ini, pelbagai perkhidmatan secara langsung telah ditawarkan melibatkan 27 reruai (booth) kaunter perkhidmatan kementerian, agensi dan kerajaan

Hampir 15,000 kunjungi Jelajah AKM Perlis



MENTERI WP, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (tengah) bersama-sama lain agensi pada Majlis Penyerahan Bakul Makanan kepada golongan asnaf sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia.

negeri antaranya penerangan perkhidmatan kerajaan, pemeriksaan dan saringan kesihatan, permohonan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED).

"Sesi kaunseling kewangan, khidmat nasihat pembiayaan, perkhidmatan sistem pendaftaran dalam talian kerajaan, sesi bimbingan dan khidmat nasihat usahawan, pemberian bantuan, kaunter perkhidmatan Kementerian Pengajian Tinggi, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan

Pengangkutan Jalan (JPJ) serta banyak lagi," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Jelas kenyataan itu, sebanyak RM2.34 juta jualan berjaya direkodkan sehingga 27 Mac 2022, pukul 2.00 petang yang melibatkan 114 gerai jualan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan program padanan perniagaan dalam siri jelajah ini turut merancakkan aktiviti ekonomi terutamanya kepada usahawan tempatan.

Program itu turut menganjurkan Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia dan telah menawarkan sebanyak 4,856 pelbagai kekosongan jawatan daripada 27 majikan.

"Seramai 615 orang peserta dipanggil menghadiri temu dua dengan 591 orang telah berjaya ke tapisan akhir jawatan yang dipohon setakat ini," katanya.

Kata kenyataan itu, antara program yang dilaksanakan adalah Jualan Keluarga Malaysia yang menawarkan potongan harga sehingga 31 peratus bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan barang keperluan sepanjang program itu berlangsung.

"Selain itu, beberapa program turut diadakan seperti Program Forum Ihya Ramadan, pertandingan e-sukan (e-sports), Kayuhan Fun Ride Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia dengan kerjasama Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Gotong Royong serta Kenduri Keluarga Malaysia.

"Program showcase Agensi KWP yang menampilkan wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,

Perbadanan Putrajaya (PPj) Perbadanan Labuan (PL) dan Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) serta turut melibatkan beberapa kementerian dan Agensi.

"Turut diadakan Pertandingan Bintang Patriotik, pelbagai persembahan pentas, nyanyian, Persembahan kumpulan Orkestra Kuala Lumpur, cabutan bertuah dan banyak lagi," katanya.

Menurut kenyataan itu, siri jelajah ini akan diteruskan ke seluruh negara dengan segmen perkhidmatan yang sama bagi memenuhi keperluan rakyat dan membantu penghayatan terhadap pengertian Aspirasi Keluarga Malaysia yang menitikberatkan nilai Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran.

"Penganjuran jelajah ini merupakan komitmen kerajaan untuk menyumbang kepada rakyat melalui penganjuran program yang berfokuskan kepada perkhidmatan secara langsung sekali gus menyatupadukan Keluarga Malaysia ke arah kesejahteraan ekonomi seterusnya memulihkan negara dalam situasi mencabar ini," katanya. **WK**

Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia

Komitmen kerajaan penuhi keperluan rakyat - Rosida

MUKADDIMAH

JELAJAH Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) peringkat negeri Perlis yang berlangsung selama tiga hari bermula dari 25 hingga 27 Mac sudah melabuhkan tirainya. Menariknya, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) di bawah kepimpinan menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dipilih sebagai peneraju untuk program tersebut.

Faktor geografi serta ketidak saling hubungan di antara KWP dengan negeri Perlis tidak menghalang kejayaan penganjuran Jelajah AKM yang memasuki edisi kedua ini.

Ketua Setiausaha KWP, **DATUK SERI ROSIDA JAAFAR** selaku 'jeneral di lapangan' pastinya berusaha keras agar kejayaan Program Jelajah AKM ini menepati sasaran dan saranan yang telah ditetapkan oleh Perdana Menteri, iaitu memastikan seluruh Keluarga Malaysia mengetahui dan mendapat manfaat daripada penganjuran ini sekali gus membantu mereka meningkatkan kualiti hidup.

Beliau turut berpuas hati penganjuran Jelajah AKM ini dan tidak menolak kemungkinan akan mengadakan program tersebut secara bersasar di Wilayah Persekutuan bagi menyemarakkan dan memaknai konsep Keluarga Malaysia cetusan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob kepada Wartawan *Wilayahku*, **AZLAN ZAMBRY** di pejabatnya baru-baru ini.

WILAYAHKU: Boleh Datuk Seri terangkan apabila menjadi kementerian peneraju Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) peringkat negeri Perlis yang lalu?

ROSIDA: Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia ini, merupakan kesinambungan kepada kejayaan pelaksanaan program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 9 Disember 2021 yang kemudian terdapat permintaan untuk dianjurkan program berkenaan di peringkat negeri.

Jemaah Menteri memutuskan untuk memperluaskan lagi program ini melalui penganjuran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia ke 13 buah negeri serta satu acara penutup di Putrajaya dengan konsep program berbentuk perkhidmatan langsung dan bantuan kepada rakyat.

Bagi semua Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di negeri, kementerian-kementerian yang berkaitan secara khusus akan dilantik sebagai kementerian peneraju bagi pengisian program dan aktiviti. Pada Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Johor pada awal bulan Mac yang lalu, kementerian peneraju yang dilantik adalah Kementerian Perpaduan dan bagi program jelajah seterusnya yang telah diadakan di negeri Perlis pada 25 hingga 27 Mac 2022, tanggungjawab tersebut telah diserahkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. Walaupun secara geografinya, negeri Perlis adalah agak jauh daripada Wilayah Persekutuan, namun

Kementerian Wilayah Persekutuan menyahut cabaran ini dan berjaya melaksanakan program ini dengan jayanya.

WILAYAHKU: Sepanjang program jelajah yang telah diadakan ini, apakah peranan yang diamanahkan kepada KWP?

ROSIDA: Bagi siri Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Negeri Perlis, Kementerian Wilayah Persekutuan yang merupakan kementerian peneraju, telah diberikan tanggungjawab sebagai penyelaras bagi pengisian pameran, program dan aktiviti sepanjang program jelajah tersebut. Kementerian Wilayah Persekutuan mengetuai Jawatankuasa Pameran Agensi, Pengisian Program dan Aktiviti yang mana tanggungjawab kementerian adalah menyediakan dan memastikan pengisian-pengisian program dan aktiviti oleh kementerian-kementerian dan Agensi sesuai untuk dilaksanakan, memberikan perkhidmatan secara terus kepada rakyat dan menjadi tarikan kepada pengunjung.

Objektif penganjuran jelajah adalah untuk

memastikan rakyat di semua peringkat dapat memahami dan menghayati tentang Aspirasi Keluarga Malaysia. Memahami manifestasi usaha dan komitmen Kerajaan dalam memenuhi kehendak serta keperluan rakyat.

WILAYAHKU: Apakah program yang menjadi signifikan dalam siri Jelajah AKM peringkat negeri Perlis?

ROSIDA: Sebenarnya pelbagai acara, pengisian program dan aktiviti yang menarik telah dijalankan sepanjang tiga hari jelajah tersebut. Antaranya adalah pameran booth oleh kementerian-kementerian, agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan persekutuan mahupun kerajaan negeri Perlis. Semua booth ini menawarkan perkhidmatan berkaitan kementerian dan agensi secara terus kepada rakyat, menyediakan informasi dan maklumat yang terkini selain turut menawarkan aktiviti-aktiviti tarikan kepada pengunjung.

Konsep pameran, program dan aktiviti ini juga tidak terhad kepada pengisian di booth kementerian dan agensi sahaja, pelbagai aktiviti lain antaranya Bantuan Keluarga Malaysia oleh Yayasan Keluarga Malaysia yang disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri,

Perkhidmatan mobile bergerak yang menawarkan perkhidmatan kepada pengunjung seperti urusan Tabung Haji, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan dan sebagainya, Khemah Jualan Industri Kecil Sederhana (IKS) yang menawarkan tempat jualan produk-produk IKS kepada warga tempatan negeri Perlis untuk menjalankan perniagaan dan mempromosikan produk-produk mereka kepada orang ramai;

Selain itu, terdapat Khemah "Jualan Keluarga Malaysia" yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dimana melalui program tersebut orang ramai boleh membeli barang keperluan asas dengan harga diskoun, iaitu di antara 15 hingga 20 peratus lebih murah berbanding harga semasa di pasaran;

Tidak dilupakan untuk golongan muda, Program Jelajah ini turut mengadakan 'Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia' yang menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat turut menjadi tumpuan orang ramai di Perlis. Karnival ini memberi peluang kepada para pencari kerja ataupun para graduan di negeri Perlis melalui suatu proses padanan kerjaya yang sistematis dan telah diadakan dengan kerjasama agensi *MYFutureJobs*, dan Pertubuhan

Keselamatan Sosial (PERKESO). Karnival ini turut memberikan khidmat sesi kaunseling kerjaya, bantuan penyediaan resume dan sesi temu duga terbuka di lokasi bersama majikan turut diadakan. Koordinasi atau penyelarasian ini bermatlamat memberi manfaat kepada para pencari kerja di negeri Perlis, dalam masa yang sama menyelesaikan keperluan majikan yang sedang mencari bakat bagi memenuhi keperluan industri ataupun sektor-sektor yang berkenaan;

WILAYAHKU: Selain daripada program dan aktiviti di booth, adakah program yang berkonsepkan sukan dan kebudayaan dilaksanakan?

ROSIDA: Program Keluarga Malaysia ini turut merangkumi aktiviti sukan dan kebudayaan antaranya, pertandingan sukan rakyat seperti permainan sukan dalaman dan sepak raga tuju serta layang-layang yang dekat di hati rakyat Perlis.

Selain itu, turut diadakan pertandingan E-sport untuk menarik pengunjung muda; cabutan bertuah, pertandingan sukan Muay Thai dan pencak silat empat penjurur.

Tidak ketinggalan, kita turut menganjurkan aktiviti gotong-royong serta Kenduri Rakyat Keluarga Malaysia yang mensasarkan penyertaan warga Perlis tidak kira pemimpin masyarakat, NGO dan penduduk-penduduk untuk sama-sama membanting tenaga bagi menjayakan program dan aktiviti tersebut.

WILAYAHKU: Berapa lamakah persiapan yang dilaksanakan oleh KWP untuk menjayakan Program Jelajah AKM?

ROSIDA: KWP telah melaksanakan persiapan bagi tujuan menjayakan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia ini bermula daripada selesainya Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Negeri Johor pada 3 hingga 5 Mac 2022. Ketua Setiausaha Negara pada Mesyuarat Jawarankuasa Induk Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Bil 2/2022 telah memberikan bayangan awal bahawa Jelajah berikutnya akan diadakan di Negeri Utara Semenanjung Malaysia dan berkemungkinan negeri Perlis akan menjadi lokasi jelajah selepas negeri Johor.

Berdasarkan kepada keputusan tersebut, KWP telah memulakan gerak kerja dengan mengurusetiakan



Imbas kod QR untuk tonton video

“ Jemaah Menteri memutuskan untuk memperluaskan lagi program ini melalui penganjuran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia ke 13 buah negeri serta satu acara penutup di Putrajaya dengan konsep program berbentuk perkhidmatan langsung dan bantuan kepada rakyat.

Mesyuarat Penyelarasian Awal bersama semua kementerian dan agensi serta Kerajaan Negeri Perlis pada 7 Mac 2022. Bermula daripada mesyuarat tersebut, beberapa siri mesyuarat dan perbincangan telah diadakan secara lebih kerap dengan matlamat utama untuk menjayakan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di negeri Perlis.

Walaupun dalam tempoh masa agak terhad serta lokasi negeri Perlis berjauhan dengan Wilayah Persekutuan, KWP telah berjaya melaksanakan tugasannya yang diamanahkan dengan jayanya.

WILAYAHKU: Bagaimanakah penglibatan agensi-agensi di bawah KWP dan adakah Datuk Seri berpuas hati dengan penglibatan mereka?

ROSIDA: Sepanjang program berlangsung, saya amat berpuas hati dengan penglibatan semua agensi di bawah KWP pada program ini dan ia diterjemah bahawa KWP bergerak sebagai sebuah keluarga sehingga berjaya menjadi peneraju dalam program tersebut.

Seumua agensi ini termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), Perbadanan Labuan (PL), Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP), Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) yang telah memberikan komitmen penuh bagi membantu KWP menjayakan aktiviti dan program yang memberikan perkhidmatan secara terus kepada rakyat negeri Perlis. Tidak dilupakan juga kepada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang turut membantu dalam melaksanakan program-program berkaitan.

Secara dasarnya, Agensi banyak membantu dalam menjayakan program-program

dan aktiviti di booth Kementerian sendiri, di pentas utama, pentas mini IKS, pentas mini Cita rasa Keluarga Malaysia oleh DBKL, PPj, PL dan PKB serta program dan aktiviti luar seperti aktiviti gotong-royong dan kenduri rakyat, perkhidmatan bergerak MyGrocer@Wilayah oleh YWP dan penganjuran program sukan muay thai, pencak silat dan Fun walk oleh MSWP.

Selain itu, agensi KWP turut membantu menjayakan aktiviti sampingan bagi tarikan pengunjung seperti penyediaan 'inflatable playground' oleh PTGWP dan perkhidmatan bas KL Hop On Hop Off (KL Ho-Ho) secara percuma oleh DBKL khusus untuk warga Perlis untuk merasai pengalaman menaiki pengangkutan itu yang popular dalam kalangan pelancong asing ketika berkunjung ke Kuala Lumpur.

WILAYAHKU: Sepanjang program penerangan yang melibatkan agensi yang ditayangkan secara Live FB, bagaimanakah sambutan terhadap program-program ini?

ROSIDA: Sambutan daripada warga Wilayah Persekutuan secara maya melalui platform Live FB adalah amat memberangsangkan sepanjang Jelajah AKM Perlis pada hari itu. Antara topik di Live FB adalah Aspirasi Keluarga Malaysia di Wilayah Persekutuan bersama KSU KWP, Pakat Mai KL Ramai-Ramai bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur yang lebih memfokuskan kepada pelancongan di Kuala Lumpur.

Selain itu, topik P.E.S.A.T mensejahterakan warga Wilayah Persekutuan bersama dengan Ketua Pegawai Eksekutif YWP turut diadakan.

Tidak terhad kepada ketua-ketua agensi semata-mata, program bual bicara secara Live FB ini turut menampilkan artis terkemuka seperti Baby Shima,



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menyertai Program Fun Walk sempena Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia peringkat negeri Perlis.

Fendy Bakry dan Man Bai di mana mereka membicarakan mengenai produk-produk kementerian dan agensi seperti Residensi Prihatin Keluarga Malaysia, Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota WP dan Destinasi Pelancongan baharu Putrajaya.

Penonton yang mengikuti secara langsung menerusi Facebook KWP turut mengajukan beberapa soalan berkaitan topik bual bicara kita di Jelajah AKM Perlis dan dijawab oleh pengendali media sosial secara terus di ruangan komen.

WILAYAHKU: Adakah terdapat cadangan untuk laksanakan Program Jelajah AKM yang lebih bersasar untuk warga Wilayah Persekutuan sahaja?

ROSIDA: Pada masa ini, KWP akan lebih memberikan penumpuan kepada pelaksanaan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia yang dianjurkan oleh pihak Unit Kemakmuran Bersama (SEPADU) Jabatan Perdana Menteri di negeri-negeri seperti yang telah dijadualkan sehingga bulan November 2022.

Seperti yang kita semua sedia maklum, Warga Wilayah

Persekutuan telah pun mendapat manfaat yang sama seperti Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia peringkat negeri iaitu pada siri Aspirasi Keluarga Malaysia 100 hari yang telah diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada bulan Disember tahun 2021 yang lalu.

Walau bagaimanapun, KWP tidak menolak kemungkinan bahawa konsep jelajah ini boleh dilaksanakan di Wilayah Persekutuan dan lebih bersasar kepada warga Wilayah Persekutuan secara terus. Namun begitu, KWP juga berharap agar manfaat jelajah ini akan dapat dirasai dan dinikmati oleh semua warga Wilayah Persekutuan pada siri jelajah terakhir atau penutup yang dijangka akan diadakan oleh pihak SEPADU, JPM pada bulan November 2022.

WILAYAHKU: Apakah harapan Datuk Seri pasca penganjuran Jelajah AKM sesi kedua yang baru melabuhkan tirai?

ROSIDA: Saya mengharapkan agar semua warga KWP dan agensi secara khususnya dapat menghayati dengan lebih mendalam konsep

Aspirasi Keluarga Malaysia seperti disebut oleh Perdana Menteri yang menitikberatkan Keterangkuman (*Inclusivity*), Kebersamaan (*Common Ground*) dan Kesukuruan (*Contentment*) serta mempraktikkannya dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat di Wilayah Persekutuan secara khususnya bagi memastikan kesejahteraan mereka sentiasa dijaga dan berkekalan.

Penganjuran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia ini adalah manifestasi KWP bahawa warga kementerian dan warga Wilayah Persekutuan telah pun sebat dengan konsep Keluarga Malaysia yang berfokuskan untuk menyatupadukan rakyat ke arah kesejahteraan ekonomi, kestabilan politik dan seterusnya memulihkan negara dalam situasi mencabar kini.

Penglibatan KWP di negeri-negeri ini juga adalah sebagai salah satu usaha berterusan pihak kami yang dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan dan menyebarkan konsep serta hal tuju Keluarga Malaysia di Wilayah Persekutuan merentasi sempadan agar ianya mudah difahami dan dihayati oleh semua. **W.K**



PERDANA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tengah) menerima cenderahati yang disampaikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan ketika melawat booth KWP.



AL-QURAN Mushaf Putrajaya disampaikan kepada dua buah sekolah tafhib yang beroperasi di Perlis.



TIMBALAN Ketua Setiausaha KWP, Datuk Parang Abai@Thomas menyertai sukarelawan KWP dalam Program Kenduri Rakyat sempena Jelajah AKM.

Sempena Ramadan, Syura maafkan Siti Nordiana



DEEL ANJER

PENYANYI, Syura Badron, yang berdepan saman daripada penyanyi, Siti Nordiana bersama empat kenalan lain bersikap terbuka dan sudah memaafkan membabitkan segala kemelut di antara dia dan penyanyi berkennaan.

Syura, 35, berkata, sempena bulan mulia Ramadan ini, hatinya berlapang dada untuk melupakan perkara itu meskipun menguris hatinya.

"Sempena Ramadan ini semua orang mengharapkan perkara yang baik-baik. Jujur dari hati, saya

memang sudah memaafkan dia. "Namun dalam masa yang sama, rasanya untuk berbuat demikian ia memerlukan persetujuan kedua-dua belah pihak. Jadinya saya dan rakan-rakan sudah terbuka mengenai perkara ini.

"Sebab itulah kita ada mediasi dan pada sesi berkenaan pun kita sudah meluahkan segalanya. Cuma nampaknya, kita gagal capai kata sepakat daripada kedua-dua belah pihak.

"Jadi bila tiada persetujuan dan kes itu masih berjalan, kita hanya ikut prosedur saja. Kalau kata memaafkan atau memohon maaf, untuk saya sendiri... Lillahi ta'ala saya dah memaafkan segala apa yang berlaku.

"Cuma daripada dia, saya tak

tahulah macam mana kan. Tapi untuk saya sendiri, saya sudah melupakan dan move on. Jadi bila ia dibawa ke mahkamah kita tengoklah apa keputusan.

"Saya mengharapkan peminat di luar sana mendoakan yang baik-baik bukan untuk saya seorang tetapi untuk pihaknya juga. Mudah-mudahan kita dapat satu keputusan yang baik bagi kedua-dua belah pihak," katanya.

Penyanyi lagu Nazam Berkasih ini berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penutup Program Kasih 22 Hari Mesra Gelandangan Di Alka Ria, Jalan Tuanku Abdul Rahman, baru-baru ini.

Ditanya apakah pendiriannya mengenai perkara tersebut secara peribadi, Syura akui hubungannya dan perkenalannya bersama Siti



SITI NORDIANA



SYURA sudah memaafkan Siti Nordiana.

Nordiana sudah terjalin sejak usia remaja.

"Sebagai manusia siapalah kita untuk tidak memaafkan. Saya dengan dia bukannya baru (mengenal). Umur saya 13 tahun dan dia 15 tahun kalau tak silap saya, ketika itu. Lama sangat, daripada zaman budak-budak.

"Jadi bila berkawan-kawan ni ada masalah sudah tentulah memaafkan itu memang ada sentiasa di dalam hati. Cuma mungkin untuk melupakan... ia perkara peribadi. Untuk saya sendiri memaafkan, rasanya tiada masalah.

Terdahulu, isu membabitkan penyanyi Siti Nordiana bersama Syura dan empat individu lain iaitu penyanyi, Lan Solo dan isterinya Nur Sheila; Pegawai Perhubungan

Awam FMC Music, Sam Musyadzafar dan jurusolek artis bebas, Razidah Ahmad itu bermula apabila penyanyi itu memfailkan saman berjumlah RM2.5 juta pada 3 Ogos lalu. **WK**

Rancak berniaga... Ara Johari tinggalkan nyanyian?

SEJAK negara diserang wabak COVID-19 dan kita semua berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hampir dua tahun, penyanyi Ara Johari akui kerjaya nyanyiannya agak terjejas.

Namun, di sebalik pandemik itu, bisnes makanannya semakin laris.

Walaupun sedang sibuk menguruskan perniagaan masakan miliknya, Ara Kitchen, Ara masih lagi memperuntukkan waktu untuk merakamkan lagu baharu kerana baginya bidang nyanyian adalah keutamaan.

Buktinya, Ara berkolaborasi bersama Lil J menerusi lagu Sumpahan Salju ciptaan Ziin, manakala lirik oleh Jerry dan diterbitkan oleh Rocketfuel Entertainment.

"Alhamdulillah perniagaan saya semakin berkembang dengan tertubuhnya cawangan di Klang, tidak menang tangan dibuatnya!

"Tidak dinafikan, ada yang fikir saya sudah lupukan nyanyian semata-mata muh fokus bisnes.

"Memang bisnes makin berkembang, namun begitu, kerjaya sebagai penyanyi tetap nombor satu," kata pemilik nama sebenar, Nurfarrah Izzatie Johari.

Ara juga meluahkan rasa teruja dengan lagu Sumpahan Salju yang dianggapnya berbeza berbanding lagu-lagunya sebelum ini.

"Ceritanya begini, ketika itu saya berada di studio muzik bagi mendengar 'material' baharu daripada abang Zimi (Ziin) dan terus terpikat dengan melodi Sumpahan Salju yang memaparkan muzik tradisional Jawa yang dimodenkan.

"Setelah itu, kami memulakan sesi rakaman yang mengambil tempoh kurang dari tiga jam sahaja, manakala selebihnya abang Zimi yang bertanggungjawab melakukan proses adunan bagi mempercantikkan lagi bunyi lagu tersebut.

"Lagu ini ibarat sebuah *storytelling* kisah dongeng masyhur seantero dunia yang dilatar muzik tradisional Jawa, namun ia diberi nafas

moden.

"Sumpahan Salju adalah sebuah adaptasi dari cerita dongeng kanak-kanak yang popular iaitu *Snow White*, dan kalau pendengar amati bait-bait liriknya, pasti mengerti dengan jalan cerita lagu ini.

"Saya sebenarnya gemar dengan melodi-melodi yang unik, dan lagu ini nyata berbeza daripada 'genre' yang pernah saya bawakan sebelum ini.

"Cuma pada kali ini, saya mahu mencuba sesuatu yang baharu serta berbeza dan tidak pernah terjangka oleh sesiapa," ulasnya dalam nada teruja.

Selain selera muzik yang berbeza, penampilan Ara baru-baru ini turut menjadi perhatian kerana mengalami transformasi, perubahan tersebut dapat dilihat melalui video muzik (MV) yang turut dilancarkan bersama-sama *single* Sumpahan Salju.



SUMPAHAN Salju taruhan terbaru Ara Johari.

Hael Husaini abaikan isu remeh, fokus yang positif

SEBAGAI anak seni, penyanyi dan komposer muda, Hael Husaini tidak terlepas berdepan dengan pelbagai gosip dan kontroversi.

Namun, penyanyi lagu Haram ini lebih selesa fokus kerjaya dan menunjukkan prestasi yang membanggakan dari awal pembabitannya.

Dari permulaan yang kurang diberi perhatian sehingga kini, menjadi salah satu pemain utama industri muzik Malaysia, tidak mudah bagi dirinya.

"Bagi saya, penting untuk sentiasa tenang dalam apa juu keadaan. Kita kena kawal emosi dan tenaga di sekeliling kita. Saya tidak gemar menjaya kisah berbentuk dugaan atau kenangan pahit.

"Saya juga tidak akan melenting dan memberi respon pada perkara yang kurang penting. Saya tidak mahu masa saya dibazirkan dengan berduka atau melayani isu-isu remeh.

"Jika saya terkesan sekalipun, saya memilih untuk berdiam diri dan alihkan perhatian dengan menulis lagu.

"Saya seronok bila berkarya. Ini cita-cita saya. Kehadiran saya dan rakan-rakan dalam industri hanyalah sebagai anak seni dan penghibur.

"Kami berkarya dan mencari rezeki melalui hiburan. Jika apa yang kami hasilkan disukai dan dihargaai, ianya satu kejayaan dan kepuasan buat kami," katanya.

Terbaru, Hael kini muncul dengan lagu *Sama Seperti Dulu* bersama komposer muda, Iqie Hugh.

"Saya mengambil masa yang agak lama untuk menyiapkan lagu ini iaitu sekitar tiga bulan kerana Iqie dan

saya agak sibuk dari penghujung tahun 2021 sehingga awal tahun 2022 atas urusan kerja masing-masing.

"Lagu ini ada sedikit kaitannya dengan kisah peribadi saya dengan orang di sekeliling kita. Saya masukkan unsur-unsur kesetiaan dalam perhubungan yang menjadi tema lagu ini.

"Kalau pendengar selami bait-bait liriknya, apakah maksud kesetiaan dalam perhubungan? Berapa lamakah perhubungan itu, apakah ujian dan dugaannya, dan setelah melalui pelbagai rintangan dan dugaan, adakah perasaan itu masih 'Sama Seperti Dulu'?" tambah Hael lagi.



BUANG perkara negatif rahsia Hael Husaini terus sukses.



Majlis Penyerahan Khemah Penjaja di Jalan Dungun dan Jalan Gelenggang



NOOREEZA HASHIM

LOKASI tapak penjaja di Jalan Dungun dan Jalan Gelenggang, Bukit Damansara ini telah beroperasi sejak awal Januari 2022 sehingga Mac 2022 dalam tempoh tiga bulan dan dilanjutkan operasinya secara berperingkat.

Waktu operasi yang telah ditetapkan bermula seawal 10 pagi sehingga 3 petang setiap hari.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** hadir memberikan sumbangan khemah bersaiz 8x8 secara percuma kepada lebih 30 peniaga melalui kerjasama YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN (YWP) di Jalan Dungun dan Jalan Gelenggang.

Beliau turut melaungkan masa beramah mesra bersama sebahagian peniaga di Jalan Dungun dan Jalan Gelenggang serta mencuba hidangan yang terjual di sini. Lawatan ini bertujuan untuk menyusun tapak penjaja agar lebih teratur, selesa dan bersih. **W.K**





SAKRI ABDULLAH

INSTITUT Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) menyambut baik kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semasa menjawab pertanyaan lisan dalam persidangan Dewan Negara pada 23 Mac 2022 mengenai jaminan untuk memperkasakan ITBM demi kepentingan bahasa Melayu.

ITBM ditubuhkan dengan misi untuk memperkaya kepustakaan berbahasa Melayu sebagai wahana pemikiran bangsa Malaysia melalui penghasilan bahan terjemahan berkualiti dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam bidang-bidang yang menjadi keutamaan.

Sekjak penubuhannya pada tahun 1993, ITBM telah bergerak secara proaktif dalam menghasilkan bahan penerbitan dengan jumlah 3,260 judul buku yang terdiri daripada 2,159 judul buku terjemahan yang merangkumi 1,796 judul dalam bahasa Melayu dan 363 judul dalam bahasa asing, manakala baki 1,101 judul lagi adalah buku karya asli (dalam bahasa Melayu).

ITBM mula aktif meletakkan sasaran penerbitan buku terjemahan menjadikan anggaran purata penerbitan sebanyak 135 judul setahun.

Judul-judul penerbitan ini termasuk buku terjemahan ilmiah aras tinggi berbahasa Melayu mencakupi bidang yang menjadi keutamaan, antaranya ekonomi, kejuruteraan, pengurusan perubatan, kebudayaan, teknologi

ITBM sedia angkat persuratan Melayu ke persada antarabangsa

maklumat dan umum.

Selain itu, ITBM turut menekankan penerbitan buku ilmu yang menjadi bahan bacaan umum, sumber rujukan serta bahan bacaan tambahan terutamanya kepada pelajar sekolah.

Penerbitan buku-buku ilmiah, sama ada buku terjemahan ke bahasa Melayu atau buku karya asli ini telah dilaksanakan melalui usaha sama penerbitan dengan 15 universiti awam tempatan, antaranya Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta universiti atau kolej swasta lain.

Sehingga kini, jumlah penerbitan buku ilmiah secara usaha sama melibatkan institusi pengajian tinggi ialah sebanyak 137 judul.

ITBM turut aktif dan komited membina jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak di luar

“Usaha memperkasakan bidang terjemahan dan memperkaya kepustakaan berbahasa Melayu ini dilaksanakan menerusi padanan kerjasama dengan lebih 150 penerbit luar negara, antaranya dari Perancis, Rusia, Venezuela, China, Jerman, Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan, Indonesia, Taiwan, Thailand dan Singapura.”

negara dalam memperkasakan bidang terjemahan, serta penerbitan buku terjemahan ke bahasa Melayu atau bahasa asing lain melalui pembelian hak cipta, kerjasama penerbitan, pertukaran judul dan lain-lain.

Usaha memperkasakan bidang terjemahan dan memperkaya kepustakaan berbahasa Melayu ini dilaksanakan menerusi padanan kerjasama dengan lebih 150 penerbit luar negara, antaranya dari Perancis, Rusia, Venezuela, China, Jerman, Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan, Indonesia, Taiwan, Thailand dan Singapura.

Selain itu, ITBM turut

menjalinkan kerjasama dengan universiti luar negara seperti Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) dan ASEAN Centre – MGIMO University; badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan dari luar negara.

Terkini, ITBM memiliki lebih 300 manuskrip buku ilmiah dalam pelbagai bidang telah sedia diterbitkan. Walau bagaimanapun, usaha penerbitan ini terpaksa ditangguhkan atas kekangan kewangan yang dihadapi oleh ITBM dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Antara sebab lain yang turut mengekang usaha ini adalah kos penerbitan yang tinggi, serta permintaan pasarnya yang kecil dan terhad kepada kumpulan kecil pembaca terutamanya bagi buku-buku ilmiah aras tinggi.

ITBM sebagai sebuah agensi kerajaan bersedia menggiatkan usaha memperkasakan bidang terjemahan, pengantarabangsaan karya Malaysia serta memperbanyak kepustakaan berbahasa Melayu melalui aktiviti terjemahan dengan sokongan dan mandat dari kerajaan.

Bagi merealisasikan usaha ini, ITBM berharap agar pemerksaan ini dilaksanakan dengan cadangan seperti berikut:

i. Pemberian peruntukan khas penterjemahan dan penerbitan

bagi buku-buku ilmiah serta buku ilmu ke bahasa Melayu dalam bidang-bidang yang menjadi keutamaan.

- ii. Penetapan atau pemberian peruntukan tahunan kepada ITBM dimasukkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
 - iii. Pelaksanaan kerjasama dengan setiap universiti secara proaktif dengan penyaluran peruntukan khas atau geran penerbitan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi penterjemahan buku-buku ilmiah aras tinggi ke bahasa Melayu.
 - iv. Menggalakkan pembelian wajib bahan bacaan oleh perpustakaan sekolah, universiti dan institusi pendidikan lain bagi memenuhi keperluan bahan bacaan atau rujukan tambahan terutamanya buku-buku ilmu selain menggalakkan budaya membaca.
 - v. Bantuan kepada industri dengan pemberian subsidi kertas sebagai langkah pengurangan kos penerbitan dan meneruskan pemberian baucar buku untuk menggalakkan dan meningkatkan kuasa pembelian buku, terutamanya dalam kalangan pelajar.
- ITBM sedia bergerak dengan lebih aktif untuk memperkasakan usaha pemindahan ilmu dari bahasa asing ke bahasa Melayu dan mengangkat persuratan Melayu ke persada antarabangsa melalui kerjasama strategik dengan pihak-pihak yang berkaitan di luar negara.

PENDIDIKAN

SMK Seri Permaisuri antara 13 Sekolah Angkat MMU

SABRINA SABRE

UNIVERSITI Multimedia (MMU) meluaskan jalinan strategik dan kolaborasinya dengan sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan melantik 13 buah sekolah baru sebagai Sekolah Angkat MMU di bawah Program Sekolah Generasi Multimedia.

Menurut Pengarah Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan, **Maznah Abu Bakar**, program berkewajian bertujuan merealisasikan hasrat negara untuk mewujudkan generasi masa hadapan yang fasih digital.

“Program ini akan meningkatkan lagi tahap penguasaan kemahiran para pelajar melalui Transformasi Pendidikan Digital, Kebitaraan STEM dan Inovasi, serta Pendedahan Kerjaya Berkaitan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0).

“Sekolah-sekolah ini bertuuah kerana berpeluang mendapat mentor cemerlang dalam



SMK Seri Permaisuri antara sekolah terpilih sebagai Sekolah Angkat MMU di bawah Program Sekolah Generasi Multimedia.

pendidikan digital iaitu MMU yang telah terbukti berjaya menghasilkan graduan yang menepati kehendak era digital dan pasaran kerja masa kini,” katanya pada Majlis Perasmian Program Sekolah Angkat MMU di kampus MMU Cyberjaya, baru-baru ini.

Sekolah-sekolah berkewajian ialah

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Permaisuri, Kuala Lumpur; SMK Seri Saujana, Kuala Lumpur; SMK Bukit Jalil, Kuala Lumpur; SMK Putra Perdana, Selangor; SMK Seri Kembangan, Selangor; SMK Bandar Puncak Jalil, Selangor; SMK Agama Slim River, Perak; SMK Seri Perak, Perak; SMK Changlun, Kedah;

peluang keemasan untuk warga sekolah menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dari MMU.

Pengetua SMK Seri Permaisuri Kuala Lumpur, Rozita Puteh pula memberitahu penglibatan sekolahnya dalam program ini adalah kesinambungan daripada program-program bersama MMU sejak 2019.

“Sumbangan MMU sangat besar dalam usaha melahirkan generasi fasih digital dari bangku sekolah lagi. Sekolah kami telah berjaya memenangi tempat pertama Project Based-Learning 2019 serta mewujudkan kandungan e-Evidence sekolah selain mempunyai Kelab Multimedia,” ujarnya.

Bagi Guru Kaunseling, Tan Seok Koon, Program Sekolah Angkat MMU bakal menarik minat lebih ramai pelajar dalam bidang ICT dan multimedia kerana mereka berpeluang untuk meneroka kemudahan-kemudahan canggih yang ditawarkan oleh MMU. **W.K**

Raikan Ramadan dengan 30 sajian barat, tradisional Westplate Factory



HAZIRAH HALIM

SETIAP kali bulan Ramadan, itu tempat untuk berbuka puasa sering bermain di pikiran ramai orang sehingga ada yang 'pening' dan 'runsing' untuk membuat pilihan. Ditambah pula dengan keluarga, pasangan atau rakan-rakan yang mahu makan masakan barat atau tradisional seperti nasi berlauk semasa berbuka puasa.

Jangan bimbang! Restoran Westplate Factory bantu menyelesaikan masalah anda kerana ia menyajikan pelbagai jenis masakan barat (western) dan tradisional sepanjang bulan Ramadan tahun ini.

Bertemakan 'Masakan Barat dan Tradisional Yang Terbaik Untuk Anda Sekeluarga', Westplate Factory yang terletak di Seksyen 23, Shah Alam ini mengadakan bufet Ramadan buat kali kedua dengan menawarkan 50 jenis masakan dengan harga serendah RM59 seorang.

Ketua Pegawai Eksekutif, AMK Group Sdn Bhd, **Mohd Assraf Maidin Koty** berkata, ekoran sambutan

menggalakkan pada tahun lalu, pihaknya telah menambah jumlah hidangan dengan menu-menu



AYAM berempah dan daging dendeng antara sajian tradisional yang terdapat di Westplate Factory.



MAKANAN western iaitu lamb chop antara makanan yang mendapat sambutan dan wajib dicuba oleh orang ramai.



PELANGGAN juga akan disajikan dengan pelbagai jenis kuih-muih tradisional seperti kuih lapis, talam jagung dan macam-macam lagi.

tambahan yang lebih menarik.

"Antara menu tradisional yang akan disajikan ialah ayam masak lemak cili api, ayam masak rendang, daging dendeng, roti john dan banyak lagi manakala masakan barat pula, kami ada lamb chop, beef steak, spaghetti carbonara, spaghetti aglio olio, mushroom soup dan pelbagai lagi."

"Di samping itu, kami juga akan menghidangkan pelbagai jenis kuih-muih tradisional seperti kuih lompang, kuih lapis, talam jagung serta beberapa pencuci mulut (dessert) antaranya bubur kacang

hijau, bubur kacang hitam, kek coklat dan kurma," katanya kepada Wilayahku selepas Majlis Food Review bersama media pada Ahad lalu.

Menurut Assraf, sejak mula memperkenalkan pakej Bufet Ramadan di sini, pihaknya telah menerima seramai 100 hingga 200 lebih pelanggan sehari dan rata-rata pelanggannya memberikan reaksi positif serta berpuas hati dengan sajian masakan yang ditawarkan oleh pihaknya.

"Alhamdulillah setelah kami memperkenalkan Bufet Ramadan pada tahun lalu, kami mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pelanggannya dan mereka berpuas hati dengan menu-menu kami."

"Kita harapkan pada tahun ini akan mendapat sambutan dua kali ganda. Mungkin tahun

lalu 200 orang sahaja tetapi kali ini kita target 400 orang sebab maksimum kedai kita dapat muatkan seramai 400 orang," katanya.

Berkongsi mengenai caj harga pula, Assraf berkata, Westplate Factory sedang menawarkan harga promosi iaitu 'early bird' kepada pelanggan yang membuat tempahan awal bermula 1 Mac sehingga 1 April ini.

"Harganya adalah RM49 bagi dewasa dan RM20 untuk kanak-kanak manakala harga biasa pula akan bermula pada 2 April ini di mana harganya berubah kepada RM59.90 untuk dewasa dan kanak-kanak ialah RM29.90 serta kanak-kanak berumur di bawah 10 tahun pula adalah percuma," katanya.

Selain daripada memberikan hidangan menarik buat pelanggan, Westplate Factory

juga menyediakan pelbagai kemudahan lain seperti surau untuk menunaikan solat, ruang parkir yang luas dan dewan berhawa dingin.

"Oleh itu, kepada semua pengunjung yang ingin makan makanan barat dan Melayu, bolehlah datang ke Westplate Factory, Seksyen 23, Shah Alam kerana tempat ini menyajikan makanan campuran barat dan kampung serta dilengkapi dengan tempat yang selesa dan pastinya mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP).

"Sebarang tempahan boleh menghubungi talian atau menerusi pesanan WhatsApp ke **014-671 2043** dan **019-367 4796** atau melayari laman media sosial Instagram kami iaitu *westplatefactory* serta Facebook, WestPlate Factory untuk mendapatkan info selebihnya," jelasnya. **W.K**



Bazan Kneatif

USAHAWAN ANAK MUDA KOTA

Berjaya Times Square, Tingkat 4, (Lot 04-87)

10.00 Pagi - 10.00 Malam (Buka setiap hari)



Pelbagai
AKTIVITI MENARIK
MENANTI ANDA
 >> **Busking**
 >> **Karoeke**
 >> **Squid Game**

**JOM KUNJUNGI
KAMI!**



Konsep Flea Market

Produk makanan, minuman,
jahitan, pakaian, kraf tangan
dan lain-lain



RUANG MAKANAN

Pelbagai jenis makanan
menanti anda



RUANG PAKAIAN

Pelbagai pakaian yang
anda boleh dapat



RUANG KECANTIKAN

Dapatkan Jamu dari
Booth berdekatan



TIKET PERCUMA

Setiap pembelian
RM50 ke atas



PELBAGAI BARANG

Anda boleh dapat
Kraf tangan, Lukisan & Barang antik

**Jumpa
KAMI DI**



**Berjaya Times Square
Tingkat 4, (Lot 04-87)**

**BUKA SETIAP HARI
10.00 PAGI - 10.00 MALAM**

**#KELUARGA
MALAYSIA**



Tiga daripada lima menara komunikasi Pelan JENDELA siap akhir tahun ini

Labuan capai 100 peratus liputan 4G



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

SURUHANJAYA Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menyasarkan Labuan bakal mencapai liputan 4G sepenuhnya di kawasan berpenduduk pada penghujung tahun ini.

Pengerusinya, **Datuk Dr Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek** berkata, sasaran itu adalah seiring dengan aspirasi Nasional melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang

menetapkan capaian 100 peratus 4G di kawasan berpenduduk di seluruh Malaysia untuk dicapai menjelang tahun 2025.

Katanya, di Labuan pada suku keempat tahun 2021 yang lalu, tiga daripada lima menara komunikasi baharu di bawah Pelan JENDELA telah siap sepenuhnya.

“Dua lagi menara komunikasi baharu sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap beroperasi pada penghujung suku kedua tahun 2023,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDI) di Kampung Sungai Labu, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata-

ta sehingga suku keempat tahun lalu, sebanyak 2,353 premis di Labuan telah siap dipasang dengan gentian optik.

Manakala kerja-kerja pemasangan gentian optik di 3,543 premis lagi di sekitar Labuan sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap secara berperingkat pada hujung tahun ini.

“Menerusi pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkenaan, ianya bakal mengubah taraf kehidupan penduduk di Labuan selain membantu meningkatkan tahap kemahiran diri penduduk dalam berhadapan dengan era digital yang pesat berkembang seiring dengan kemajuan teknologi global,” katanya. WK



FADHLULLAH (tiga dari kanan) menerima cenderahati daripada pihak PEDI ketika mengadakan lawatan kerja di PEDI Kampung Sungai Labu, baru-baru ini.



AHMAD (tengah) bersama Rozman (kanan) dan Amir (kiri) pada sesi potong kek Sempena Sambutan Hari Polis ke-215 di ibu Pejabat Polis Labuan, pada Jumaat lalu.

Polis, masyarakat diseru berganding bahu kekang penularan COVID-19

WARGA polis dan masyarakat di pulau ini diseru berganding bahu diantara satu sama lain bagi mengekang penularan COVID-19.

Ketua Polis Daerah Labuan, **Superintendent Ahmad Jawila** berkata, kerjasama di antara polis dan masyarakat amat perlu bagi mengekang penularan wabak itu agar tidak menular dalam kalangan masyarakat.

“Kesannya amat mendalam kepada kita seluruh umat manusia di muka bumi tercinta ini berdepan dengan penyakit sehingga mengakibatkan ada di antaranya kehilangan orang yang tersayang.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Sambutan Peringatan Hari Polis ke-215 Tahun, pada Jumaat lalu.

Ahmad turut menzahirkan penghargaan kepada seluruh ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua jabatan kerajaan dan swasta sentiasa memberi kerjasama yang begitu komited khususnya dalam aktiviti pencegahan jenayah.

Hadir sama, Pengurus Perbadanan Labuan, Datuk Seri Amir Hussien, Pemangku Ketua Pengawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Ismail dan Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Islil. WK

KSM adakan libat urus bagi pelaksanaan gaji minimum

KEMENTERIAN Sumber Manusia (KSM) akan mengadakan sesi libat urus dengan semua pihak sebelum pelaksanaan kadar gaji minimum RM1,500 pada 1 Mei.

Timbalan Menterinya, **Datuk Awang Hashim** berkata, sesi libat urus itu bertujuan bagi memudahkan kementeriannya membuat segmentasi terhadap sektor-sektor yang terlibat dalam pelaksanaan itu.

Katanya, sesi itu akan melibatkan Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan dewan-dewan perniagaan.

“Kita telah kenal pasti terlebih dahulu syarikat-syarikat yang mampu melaksanakan

gaji minimum ini, jika ada majikan yang mungkin terjejas dengan pelaksanaan ini kita akan bawa berbincang dan mengambil tindakan serius supaya syarikat tidak gulung tikar.

“Kerajaan akan membantu majikan yang terjejas dengan pelbagai skim bantuan agar mereka tidak melakukan pembuangan pekerja dan menutup operasi,” katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan kerja ke Asian Supply Base Sdn Bhd di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata kementeriannya tidak akan berkompromi kepada syarikat-syarikat yang melanggar mana-mana akta yang telah dikuat kuasa.

Katanya, pematuhan

berterusan terhadap semua jenis akta di bawah bidang kuasa KSM khususnya yang melibatkan hak dan kebajikan para pekerja menjadi kunci dalam memastikan mereka terus komited untuk bekerja dan memberikan pulangan lumayan kepada majikan.

“Akta-akta ini bukanlah untuk mengekang para majikan. Sebaliknya, akta-akta ini digubal dan dikuatkuasakan demi mewujudkan keharmonian dalam industri perburuhan dengan memastikan hak semua pihak terjaga dan terpelihara.

“Ia turut meningkatkan ekonomi negara dan memulihkan imej negara yang telah sedikit tercalar dengan isu buruh paksa sejak kebelakangan ini,” katanya. WK



AWANG (tengah) menerima cenderahati daripada Ketua Pegawai Eksekutif ASB Sdn Bhd, baru-baru ini.

Fitnah wanita akhir zaman

DR KHAIRUL ASYRAF MOHD NATHIR

ADAKAH kecantikan wanita merupakan fitnah kepada lelaki?

Kecantikan merupakan lumrah bagi seorang wanita. Disebabkan kecantikan juga seseorang lelaki tertarik kepada wanita untuk menjadikannya isteri. Allah SWT berfirman maksudnya: "Dihaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia suka kepada perkara-perkara yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan." (Surah Ali-Imran ayat 14)

Allah SWT mencipta setiap makhluk itu secara berpasang-pasangan seperti lelaki dan wanita, siang dan malam, langit dan bumi dan sebagainya. Akan tetapi, Allah SWT telah memilih manusia sebagai makhluk yang paling sempurna kerana dikurniakan akal fikiran.

Kerana kecantikan juga timbulnya pelbagai fitnah daripada wanita sehingga menyebabkan jatuhnya martabat wanita dalam kehidupan manusia.

Fitnah wanita adalah fitnah yang paling besar kerana pada dirinya semua fitnah seperti suaranya, rupa parasnya, pergerakannya dan sebagainya.

Baginda Nabi SAW bersabda: "Tidak aku tinggalkan selepas daripadaku yang lebih berbahaya ke atas kaum lelaki daripada wanita." (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Mengapakah wanita boleh terjatuh ke dalam fitnah ini?

Kehidupan manusia akhir zaman, khususnya wanita



FITNAH wanita adalah fitnah yang paling besar kerana pada dirinya semua fitnah seperti suaranya, rupa parasnya, pergerakannya dan sebagainya.

semakin lama semakin berubah sehingga mengenepikan syariat agama yang ditetapkan, bahkan lebih mengutamakan fesyen dan kecantikan yang ternyata telah keluar daripada adab dan tatasusila yang diterapkan oleh Islam.

Ramai wanita di luar sana mengenakan pakaian yang tidak menutup aurat sehingga menampakkan perhiasan, rambut dan bahagian yang sepatutnya ditutup.

Perkara ini telah mula berkembang dengan pantas apabila portal pembelian dalam talian mengeluarkan pelbagai jenis fesyen terkini yang tampak jelas mutakhir ini.

Situasi ini dinyatakan oleh Baginda SAW tentang perilaku wanita akhir zaman apabila melibatkan pemakaian mereka. Nabi SAW bersabda maksudnya: "Pada umatku yang akan datang

ini, akan ada orang-orang lelaki yang naik pelana kuda yang menyerupai pelana unta, lalu turun di pintu-pintu masjid.

Wanita-wanita mereka berpakaian tetapi telanjang, rambut kepala mereka bagai bongkol unta yang tinggi. Laksatlah mereka kerana mereka ialah wanita-wanita terlaknat.

Kalau di belakangmu (sesudahmu) nanti masih ada umat-umat lain, nescaya wanita-wanita kamu akan melayani wanita-wanita mereka sebagaimana dahulu kamu dilayani oleh wanita-wanita bangsa-bangsa sebelum kamu." (Hadis Riwayat Ahmad)

Hadis ini jelas menunjukkan bagaimana keadaan wanita akhir zaman berpakaian sehingga setiap jenis fesyen yang dikenakan pasti akan menarik mata (lelaki) untuk melihatnya.

Perkara ini dilihat menjadi tren terkini khususnya wanita

“ Hadis ini jelas menunjukkan bagaimana keadaan wanita akhir zaman berpakaian sehingga setiap jenis fesyen yang dikenakan pasti akan menarik mata (lelaki) untuk melihatnya.

yang bekerjaya apabila sanggup berbelanja sakan demi dilihat bergaya dan cantik di tempat kerja masing-masing.

Jika fesyen yang dikenakan mengikut syariat Islam, maka tiada apa yang ingin digusarkan. Islam tidak melarang umatnya untuk dilihat cantik, namun apabila melampaui batas, perkara ini ditegah oleh Nabi SAW.

Apakah yang dimaksudkan dengan wanita berpakaian tetapi terlanjung?

Dr Yusuf al-Qardhawi dalam kitab al-halal wa al-haram fi al-Islam menjelaskan, wanita yang berpakaian tetapi telanjang sebagaimana sabda Nabi SAW merujuk kepada pakaian yang dipakai wanita tidak berfungsi sebagai benteng bagi menutup keseluruhan aurat mereka. Antara ciri-ciri pakaian tersebut ialah; nipis, ketat, singkat, menampakkan bahagian utama badan wanita dan lain-lain.

Ada pula pandangan yang mengatakan mereka yang mengenakan pakaian tetapi telanjang bermaksud tudung yang dipakai hanya dililit pada leher sahaja dan pakaian yang dikenakan ketat sehingga menampakkan bentuk tubuh wanita tersebut.

Disebabkan kelakuan tersebut, golongan wanita ini akan mendapat seksaan di akhirat kelak.

Nabi SAW menjelaskan beberapa sifat wanita antaranya berpakaian tetapi telanjang, berlenggang-lengkok dan rambut umpama bonggol unta.

Kenyataan Baginda Nabi SAW ini menggambarkan situasi yang sedang berlaku hari ini, seakan-akan Baginda dapat melihat apa yang akan berlaku pada masa hadapan.

Pada hari ini, banyak tempat yang digunakan untuk menghias dan melakukan fesyen pada rambut dengan pelbagai gaya dan bentuk. Ada sesetengah salun kecantikan yang bercampur antara lelaki dan wanita.

Walaupun terdapat sekatan atau halangan yang dibuat, namun bagi pekerja lelaki, mereka masih lagi boleh melihat rambut yang merupakan aurat bagi wanita.

Justeru, fitnah wanita ini adalah gambaran daripada Baginda Nabi SAW kepada manusia akhir zaman yang melihat kepada wanita dengan pandangan yang sungsang dan merosakkan.

Dalam masa sama, gambaran ini merujuk kepada wanita yang tidak mempedulikan maruah diri sehingga menyebabkan terjatuhnya lelaki ke dalam fitnah wanita apabila memandangnya.

Bagaimanapun, sebaik-baik wanita ialah yang bertakwa dan menjaga maruah diri daripada terjatuh ke dalam jurang fitnah yang membina-sakan.

Penulis Pensyarah kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim).

Islam larang pembunuhan karakter

MUHAMMAD FAHMI MD RAMZAN

PEMBUNUHAN karakter seringkali dikaitkan usaha sistematik untuk menghancurkan reputasi seseorang tokoh khususnya dalam arena politik.

Motifnya, supaya nama baik individu terabit rosak di mata masyarakat serta dibenci, sekali gus berkemungkinan besar menamatkan riwayat politiknya.

Lazimnya, pembunuhan karakter dilakukan dengan memanipulasi fakta, menyebarkan khabar angin, fitnah serta melemparkan tuduhan tidak berasas tanpa kepastian atau siasatan terlebih dahulu ke atas seseorang yang dijadikan sasaran.

Semua kaedah ini dapat mengaburi mata masyarakat apatah lagi dengan kecanggihan teknologi masa kini, yang menjadikan masyarakat dengan mudah terjejak situasi ‘seolah-olah benar’ terhadap apa yang dilemparkan ke atas mangsa.

Selain itu, pembunuhan

karakter juga dilakukan melalui cara membuka aib bahkan menghebahkan hal negatif berkaitan individu yang menjadi sasaran.

Ia juga boleh dilakukan dengan cara menekan mangsa menerusi pelbagai hukuman serta tindakan tidak masuk akal, sehingga memungkinkan mangsa hilang kelayakan untuk terus berada dalam kancan politik.

Pembunuhan karakter hakikatnya bukanlah baharu. Sejarah Islam sendiri menunjukkan bahawa khalifah ‘Uthman ibn ‘Affan turut menjadi mangsa pembunuhan karakter oleh golongan Sabaiyah yang mendakwa beliau mengamalkan nepotisme, malah dituduh seorang yang boros dan menggunakan harta baitulmal.

Pada abad ke-15 pula, seorang ahli strategi politik Itali, Niccolo Machiavelli, memperkenalkan konsep matlamat menghalalkan cara, yang kemudiannya melahirkan pemikiran Machiavellisme yang mana ia

mementingkan pendekatan taktik kotor dan licik dalam berpolitik.

Menurut Joseph Goebbel, seorang menteri kanan Hitler pada zaman rejim Nazi, pembunuhan karakter dilakukan dengan cara memfitnah, maka faktor pembohongan memainkan peranan amat penting hingga semakin besar dan luas pembohongan itu, semakin ia meyakinkan.

Yang pasti, dua prinsip inilah yang dianut dalam kalangan pelaku pembunuhan karakter.

Dalam Islam, pembunuhan karakter amat dilarang kerana ia termasuk pelanggaran terhadap konsep ‘hizbul ‘irdhi’ (memelihara kehormatan), berikutnya perbuatan ini tidak lepas daripada unsur ‘kazzab’ (dusta), ‘ghibah’ (gosip), ‘namimah’ (adu domba) dan membuka aib orang lain.

Pembunuhan karakter adalah cara tidak bermaruah, kerana ia akan menghasilkan persepsi buruk terhadap seseorang. Jika tidak dibendung, ia akan melahirkan generasi dengan karakter

pembunuhan berdarah dingin yang menghalalkan segala macam cara untuk kepentingan diri mahupun kelompok dalam meraih sokongan dan kekuasaan.

Dalam situasi politik semasa yang semakin mencengkam, masyarakat seharusnya tidak mudah hanyut ditelan arus.

Apabila kedengaran banyak suara memburukkan seseorang tokoh, janganlah mudah terpedaya dengan isu berlegar kerana belum tentu ia benar.

Ini kerana, di kala masyarakat didendangkan keburukan seseorang tokoh politik, jangan lupa di sana juga ada usaha pihak berkepentingan yang cuba menanamkan kebencian masyarakat terhadap musuh politiknya melalui pembunuhan karakter yang berterusan.

Islam sendiri mengajar untuk bertindak dalam ranah politik Islam (siasah syar‘iyah), iaitu dengan cara membudayakan pandangan dan tindakan politik berdasarkan prinsip bukannya

spekulasi, berasaskan fakta bukannya persepsi, serta berdasarkan ‘tabayyun’ (menyelidik mencari kebenaran).

Motifnya, supaya kita dapat menilai sesuatu isu dengan adil serta tidak terpengaruh dengan prasangka buruk dan fitnah jahat yang menatijahkan kebencian ke atas seseorang individu.

Allah SWT berfirman maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu sebagai penegak keadilan kerana Allah, (ketika) menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah kebencianmu terhadap suatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah. Kerana (adil) itu lebih dekat kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sungguh, Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan." (Surah Al-Maa'idah, ayat 8)

Penulis adalah calon doktor falsafah (PhD) di Jabatan Siyasah Syar‘iyah, Akademi, Pengajian Islam Universiti Malaya (UM).

PPj raih Anugerah Inisiatif Hijau MLA12



HAZIRAH HALIM

PERBADANAN Putrajaya (PPj) berjaya merangkul Green Initiatives Award for Government Category atau Anugerah Inisiatif Hijau Kategori Kerajaan sempena 12th Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA12) pada 25 Mac lalu.

Menerusi penyertaan bertajuk 'Galactic Greenovators Putrajaya Chapter-Empowering Youth As Green Champions', PPj merangkul anugerah tersebut selepas melaksanakan satu program dibawah Jawatankuasa Pembangunan Lanskap Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya iaitu Galactic Greenovators Putrajaya Chapter.

Naib Presiden Jabatan Lanskap dan Taman, PPj, **La.r Abdul Aziz Buang** berkata, program yang bersifat interaktif dan bermatlamat global itu diinspirasikan oleh PPj dan ia dijayakan bersama rakan perkongsian pintar LA21 Putrajaya



ABDUL Aziz Buang (lima dari kiri) bergambar bersama kakitangan Jawatankuasa Pembangunan Lanskap LA21 Putrajaya di MLAA12 pada 25 Mac lalu.

iaitu Putrajaya Holdings Sdn Bhd Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWP), sekolah-sekolah Putrajaya, Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA), Canon (M) Sdn Bhd serta beberapa lagi badan bukan kerajaan (NGO) dan Agensi. a

"Kumpulan sasar program ini adalah para pelajar sekolah berumur sembilan hingga 16 tahun dan ia melibatkan

sebanyak 21 Kumpulan Pelajar Aliran Perdana Sekolah Rendah dan Menengah serta pelajar dari Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah menengah di Putrajaya.

"Selain itu, ia juga dilaksanakan berdasarkan modul Greening Sustainable Future Curriculum (GSF) iaitu modul-modul 'Climate Basics', Green Fingers, Green Living dan Greenovation serta 17 Sustainable



Development Goals (SDGs) yang telah diputuskan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations)," katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Menurutnya, penggunaan modul-modul tersebut telah dapat menghasilkan inisiatif hijau yang kreatif, inovatif, mempunyai nilai komersial serta mampu menjadi pemangkin kepada anak-anak dalam memelihara dan memulihara alam sekitar di peringkat yang lebih global.

"Secara dasarnya, program

yang bermatlamat meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab di kalangan generasi muda dalam menangani isu alam sekitar ke arah pembangunan mampan sebegini akan terus dijalankan oleh PPj bersama rakan-rakan perkongsian yang dikenal pasti selaras dengan misi menjadikan Putrajaya Bandar Hijau menjelang tahun 2025," jelasnya.

Terdahulu, Majlis Anugerah berprestij 12th Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA12) dan Gala Night 2022 dianjurkan bersempena Hari Lanskap Negara Malaysia pada 3 Mac lalu dan Bulan Seni Lanskap Sedunia pada April ini telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow di St Giles, The Wembley Hotel, George Town, Pulau Pinang.

Institute of Landscape Architects Malaysia MLAA12 Honour Award bagi Anugerah Inisiatif Hijau untuk Kategori Kerajaan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Lanskap Negara, Puan Hajah Rotina Mohd Daik kepada Naib Presiden Jabatan Lanskap dan Taman, PPj iaitu Abdul Aziz Buang. **WK**

Tilawah Al-Quran Putrajaya serikan Ramadan



SABRINA SABRE

SEMPENA meraikan kehadiran bulan Ramadan 1443 Hijrah, Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan, Perbadanan Putrajaya (PPj) akan menganjurkan Pertandingan Tilawah Al-Quran pada 14 April ini bermula pukul 9 pagi di Dewan Seroja, Presint 15, Putrajaya.

Menurut Ketua Urus Setia Pertandingan Program Tilawah Al-Quran, **Adha Bahrudin**, pelaksanaan pertandingan tersebut bagi memupuk minat generasi di pelbagai peringkat usia khususnya golongan remaja dan belia untuk mencintai Al-Quran serta mahir dalam hafazan dan bacaan Al-Quran.

"Di samping memupuk budaya membaca Al-Quran, pihak kami juga berusaha untuk membudayakan kesenian dan kefahaman Al-Quran khusus buat warga Putrajaya terutamanya pada bulan Ramadan ini."

"Dua kategori akan dipertandingkan iaitu Kategori A pelajar sekolah menengah berumur 13 hingga 18 tahun dan Kategori B pula pelajar sekolah rendah berumur lapan hingga 12 tahun," ujarnya mengakui ia antara inisiatif dalam mendekatkan Al-Quran kepada pelbagai lapisan dan latar belakang masyarakat.

Tambahnya, peserta yang

berjaya melepas peringkat saringan pada 9 April ini akan layak mara ke peringkat final yang akan diadakan pada 14 April nanti.

"Dalam pertandingan itu, peserta yang mendapat tempat pertama akan menerima wang tunai bernilai RM400, tempat kedua RM300, RM250 di tempat ketiga, tempat keempat RM200, tempat kelima RM150, manakala tempat keenam dan ketujuh akan membawa pulang saguhati.

"Pelaksanaan majlis ini juga akan berlangsung selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengekang penularan COVID-19,"

katanya kepada Wilayahku.

Bagi warga Putrajaya yang berminat untuk menyertai pertandingan ini boleh mengimbas kod QR pada poster atau klik link <https://tinyurl.com/TILAWAHALQURAN2022> untuk tujuan pendaftaran.

Dalam pada itu, Adha turut memaklumkan pihaknya akan menganjurkan Forum Ambang Ramadan pada 1 April 2022 bermula pukul 10 pagi yang bertempat di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

"Forum tersebut akan dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan akan menampilkan ahli-ahli panel terkenal yang membicarakan

pelbagai topik menarik bertemakan Ramadan.

"Bukan itu sahaja, pihak PPj turut menganjurkan program-program menarik pada bulan Ramadan ini antaranya Program Bubur Lambuk Wilayah Persekutuan Putrajaya,

Program Tadarus Khatam Al-Quran@MPPWP Putrajaya, Program Minggu Infaq Putrajaya, Program Bantuan Hari Raya Aidilfitri@B40 Putrajaya dan Program Kuiz Ramadan Kareem@Putrajaya," tambahnya lagi. **WK**



PERTANDINGAN Tilawah Al-Quran anjuran PPj tahun lalu mendapat sambutan menggalakkan daripada warga Putrajaya. Foto: Faris Azmi PPj

**PERTANDINGAN
TILAWAH
AL-QURAN**

KATEGORI A SEKOLAH MENENGAH
KATEGORI B SEKOLAH RENDAH
TERBUKA KEPADA WARGA PUTRAJAYA SAHAJA

| | | | | |
|-----------------------------|---------------------------|--------------------------|--------------------------|----------------------------------|
| TEMPAT PERTAMA RM 400.00 | TEMPAT KEDUA RM 300.00 | TEMPAT RM KE-3 250.00 | TEMPAT RM KE-4 200.00 | TEMPAT RM KE-5 150.00 |
| | | | | TEMPAT KE-6 DAN KE-7 SAGUHATI |

TARIKH PERTANDINGAN PERINGKAT AKHIR
14 APRIL 2022 (12 RAMADAN 1443H)
9 PAGI - 11 PAGI
DEWAN SEROJA,
PRESINT 15, PUTRAJAYA

UNTUK HUBUNGI URUS SETIA PERTANDINGAN > EN ADHA : 03-8887 7580 | PN. NOR ASNIZAN 03-8887 7756

Sila Imbas QR Code Untuk Pendaftaran
[Link Pendaftaran](https://tinyurl.com/TILAWAHALQURAN2022)

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN : 4 APRIL 2022

SILA PATUH SOP BERIKUT:
SATUAN PENGETAHUAN > PAJUJU PENGETAHUAN > SANTAI TANGAN > PASTURE PENGETAHUAN

#putrajayacorp #putrajaya @perbadananputrajaya

Fun Walk zahir kerjasama badan kerajaan dan agensi KWP

Sukan erat perpaduan pemimpin, rakyat

DIANA AMIR

PENGANJURAN Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang diadakan di Perlis minggu lalu dimeriahkan lagi dengan Program Fun Walk bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Menurut kenyataan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Program Fun Walk itu diadakan bersama penduduk negeri Perlis bertujuan menjalinkan hubungan mesra antara rakyat dan pemimpin.

"Ia bertujuan untuk menaikkan kerjasama erat antara badan kerajaan dan agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

"Selain itu, ia merupakan usaha dalam menyebarkan dasar baharu kementerian dan inisiatif-inisiatif berteraskan konsep Wilayah Prihatin," katanya.

Tambahnya lagi ia bagi memastikan segala penyampaian maklumat juga program-program yang dilaksanakan oleh KWP dan agensinya adalah jelas serta diterima baik oleh semua peserta terlibat.

Jelas kenyataan itu lagi, program tersebut melibatkan Menteri Wilayah Persekutuan dengan disertai oleh pegawai kementerian bagi sesi santai bersama peserta dan penduduk berdekatan.

"Menerusi ini, mereka boleh mendapatkan informasi dengan lebih jelas di samping menge-

nal pasti isu serta perkara yang boleh ditambah baik dan diselesaikan secara berhemah."

Turut hadir Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar; Pengarah MSWP, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Zainalnizam Zainun.

Terdahulu, Program Fun Walk tersebut melibatkan jarak sejauh lima kilometer di mana peserta perlu mengelilingi dua pusingan Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra itu telah diadakan pada 26 Mac lalu pada jam 6 petang sehingga 7 malam. Pihak pengajar juga menyediakan sebanyak 200 kemeja-T untuk peserta terawal dan cabutan bertuah. **WK**



SHAHIDAN (tengah) menyertai Program Fun Walk bersama orang Perlis di Stadium Tuanku Syed Putra pada Sabtu.

Pencak silat, Muay Thai dipertandingkan sempena Karnival JAKM

KARNIVAL Seni Mempertahankan Diri menyaksikan dua jenis sukan iaitu Pencak Silat dan Muay Thai dipertandingkan bersempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) 2022 yang berlangsung di Perlis, baru-baru ini.

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dalam kenyataannya berkata pengajuran buat julung kalinya itu mendapat penyertaan lebih kurang 150 atlet dari empat negeri jemputan.

"Ia diadakan selama tiga hari bermula 25 Mac sehingga 27 Mac lalu yang bertempat di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra.

"Dua acara sukan yang dipertandingkan itu melibatkan penyertaan daripada empat negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Perlis, Pulau Pinang dan Kedah," katanya.

Tambah kenyataan tersebut, acara penyampaian hadiah telah

disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang terlebih dahulu menyampaikan hadiah kepada para pemenang sukan Muay Thai diikuti acara kemuncaknya penyampaian Piala Menteri Wilayah Persekutuan kepada pemenang pertarungan kategori 48kg lelaki.

"Sebanyak sembilan kategori lelaki dan lima kategori wanita dipertandingkan bagi kejohanan sukan Muay Thai sementara lapan kategori Putera dan enam kategori Puteri dipertandingkan dalam kejohanan Pencak Silat," jelas kenyataan itu.

Dalam pada itu, Shahidan dalam ucapannya merakamkan penghargaan terima kasih kerana karnival ini dapat diadakan dengan jayanya.

"Karnival Seni Mempertahankan



TIMBALAN KSU KWP, Datuk Parang Abai@Thomas (tengah) ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan Muay Thai.

Diri seumpama ini adalah buat julung kalinya diadakan apabila dua Majlis Sukan Negeri iaitu MSWP

dan Majlis Sukan Negeri Perlis bergabung tenaga dalam menganjurkan satu pertandingan bersama.

"Saya merakamkan ucapan penghargaan kepada Majlis Sukan Negeri Perlis yang memastikan kelancaran pada kejohanan kali ini dan berterima kasih kepada Majlis Sukan Negeri Kedah serta Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang yang turut serta," ucapnya selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan Pencak Silat.

Beliau berkata pertandingan empat penjuru ini merupakan antara pemanas badan sebelum berlangsungnya Sukan Malaysia (SUKMA) pada 29 September ini.

"Saya juga harapkan kejohanan ini dapat melahirkan lebih ramai bakat baru atau pelapis yang berbakat dan berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi," tambahnya.

Turut hadir ialah Pengarah MSWP, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri. **WK**

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

WILAYAH Ku MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

| | | | |
|-----------------------|--|-------------|----------------|
| FULL PAGE | | 26cm X 33cm | RM7,500 |
| HALF PAGE | | 26cm X 17cm | RM5,500 |
| QUARTER PAGE | | 12cm X 17cm | RM4,500 |
| PANEL PAGE [INNER] | | 26cm X 6cm | RM4,500 |

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

| | | |
|--|-------------------------------------|----------------|
| | FRONT BANNER 1080px X 96px | RM2,500 |
| | MIDDLE BANNER 1080px X 280px | RM2,000 |
| | MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px | RM1,500 |
| | HALF PAGE 350px X 500px | RM1,000 |

50,000 naskhah akhbar WILAYAH Ku diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Lima kategori dengan penyertaan termuda berusia enam tahun

PocketGP lahir atlet permotoran

SABRINA SABRE

DALAM usaha menerajui pembangunan mampan sukan permotoran PocketGP, satu Program Kejuaraan PocketGP 2022 dilaksanakan bagi merealisasikannya.

Terbaharu, Kejuaraan PocketGP 2022 anjuran Persatuan Pocket Bike Malaysia (PAM) membuka tirai pusingan sulungnya di MATIC, Jalan Ampang, Kuala Lumpur Ahad lalu.

Menurut Presiden PAM dan Pengasas PocketGP, **Akhtar Ayub**, matlamat penubuhan program tersebut adalah untuk membangunkan juara sukan permotoran PocketGP tempatan dari peringkat akar umbi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.



AKHTAR

"Terdapat lima kategori yang dipertandingkan dalam program ini iaitu PocketGP Beginner, Expert U17, Rookie U9, Novice U12 dan Open Master (18 tahun ke atas).

"Ini merupakan pusingan pertama Kejuaraan PocketGP 2022 dan penyertaan yang diterima adalah seramai 40 peserta yang berusia antara enam hingga 31 tahun," katanya sejurus Program Kejuaraan PocketGP 2022.

Ekoran sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak termasuk ibu bapa, Akhtar Ayub memaklumkan pihaknya menganggarkan sebanyak 10 pusingan yang akan dipertandingkan sepanjang tahun ini.

"Pusingan pertama kami telah adakan pada bulan Februari di Kuala Lumpur Tower dan ke-

juaraan kedua dijangka akan berlangsung selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri," ujarnya sambil berharap lebih ramai peserta turut terlibat dan serta mengikut platform yang betul.

Di samping itu, beliau berharap peserta tidak mengabaikan komitmen dan sentiasa bersemangat setiap kali perlawanan berlangsung.

"Dengan adanya sijil penyertaan oleh PocketGP ini, mereka boleh gunakan untuk meneruskan karier ke tahap yang lebih tinggi apabila menginjak dewasa dan saya yakin negara kita dapat melahirkan lebih ramai pelumba dua roda dalam negara untuk bersaing di Arena Sukan MiniGP dan MotoGP," jelasnya.

Sementara itu, ibu kepada pemanggung dua kategori PocketGP Novice U12 dan PocketGP Expert U17, Qabil Irfan Azlan, men-



KEJUARAAN PocketGP 2022 anjuran PAM telah membuka tirai bagi pusingan sulungnya di MATIC, Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada Ahad.

zahirkan rasa syukur apabila kemenangan berpihak kepada anaknya.

"Meskipun sudah agak lama tidak menjalani latihan, tetapi minat yang mendalam terhadap sukan itu membuatnya berazam untuk mencapai lebih banyak kejayaan," katanya ketika ditemui Wilayahku.

Sungguhpun baru berusia 10 tahun, namun pelajar Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1 itu dilihat mampu pergi jauh dalam dunia permotoran.

"Qabil terlibat dengan sukan ini sejak berumur empat tahun lagi

dan telah muncul juara keseluruhan bagi Kejohanan Remaja SIC Ohvale 110cc pada tahun 2020 dan 2021," ujarnya yang bangga dengan pencapaian diperoleh anak kedua daripada empat orang adik-beradik ini.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai atau mengetahui lebih lanjut mengenai PocketGP boleh hubungi pihak Persatuan Pocket Bike Malaysia di talian **012-335 2871** atau anda boleh lari laman web dan instagram @pocketGP ataupun e-mel di pocketbikemalaysia@gmail.com. **WK**



Semboyan Warrior: Latih anak muda ceburi dunia silat

HAZIRAH HALIM

DEMI memartabatkan warisan tradisional iaitu seni silat, Persatuan Pengguna Semboyan Malaysia (PSSM) menuju Akademi Pusat Latihan Seni Silat Olahraga yang dinamakan sebagai 'Semboyan Warrior' khusus buat masyarakat yang mahu mendalami lebih dalam tentang ilmu persilatan.

Istimewanya, akademi ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh Jaguh Silat Negara iaitu **Mohd Jufferi Al-Jamari** sebagai Jurulatih. Setiap latihan dan pembelajaran yang diberikan akan mengikut pakej dan model sukatan pelajaran yang disediakan olehnya sendiri.

Menurut Mohd Jufferi Al-Jamari, beliau bekerjasama dengan PSSM menuju Akademi silat ini sebagai satut pusat latihan untuk memberi pendedahan dan ilmu khususnya kepada golongan muda dan kanak-kanak menerusi silat olahraga di samping memartabakan seni bela diri yang telah diiktiraf oleh UNESCO.



SEMOYAN Warrior merupakan kerjasama Yusuf Azmi (kanan) dan Jufferi yang akan beroperasi sepenuhnya pada 1 April ini.

Menerusi akademi ini juga, Jufferi berkata, para peserta yang telah berdaftar yang akan melalui empat peringkat pembelajaran iaitu peringkat pertama, asas; kedua, se-si ujian untuk melihat tahap kefahaman peserta terhadap pelajaran dan latihan. Kemudian, perlawan sparing dan seterusnya adalah peringkat keempat iaitu Skills (teknik).

"Peserta-peserta yang menunjukkan prestasi tinggi akan diserap men-

jadi atlet semboyan sekali gus berpeluang menyertai kejohaan silat Olahraga Terbuka serta dibantu untuk bertanding ke peringkat kebangsaan atau lebih tinggi," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Perasmian Pembukaan Semboyan Warrior, pada Sabtu.

Jufferi berkata, ia akan beroperasi sepenuhnya pada 1 April ini dan telah menerima 20 pendaftaran daripada orang ramai serta akan melatih 25 pelajar Cyber

UNIKOP yang akan bertanding ke Sukan Universiti (SUKIPT) akan datang.

Jelasnya lagi, akademi ini terbahagi kepada dua pakej iaitu pakej A dan pakej B dengan harga dan modul pembelajaran yang berbeza.

"Pakej A terbahagi kepada tiga kategori iaitu Platinum, Gold dan Silver di mana peserta akan menerima t-shirt Semboyan Warrior, sesi latihan selama dua jam serta mereka yang berpotensi tinggi akan diserap menjadi atlet Semboyan.

"Manakala, pakej B pula adalah Bronze. Mereka akan mempelajari asas silat olahraga dalam sesi latihan seminggu sekali selama 30 minit," katanya.

Bagi mana-mana individu yang berminat untuk mengikuti proses pembelajaran seni silat olahraga daripada Semboyan Warrior, boleh menghubungi talian **hotline 014-3114800** atau laman media sosial [instagramnya, @semboyanwarrior](#) untuk mendapatkan info lebih lanjut. **WK**

GP Malaysia: SIC kembali bergegar selepas dua tahun sepi

LITAR Antarabangsa Sepang (SIC) berjanji akan tampil dengan kelainan menjelang perlumbaan MotoGP di Grand Prix (GP) Malaysia Petronas tahun ini selepas pemegang hak perlumbaan, Dorna mengekalkan mereka dalam kalender saingan berkenaan sehingga 2024.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SIC, **Azhan Shafriman Hanif**, beliau tidak sabar untuk menganjurkan perlumbaan kelas utama itu buat kali pertama sejak memegang jawatan berkenaan selepas dua tahun sepi akibat pandemik COVID-19.

"Akhirnya ia akan berlaku (GP Malaysia) sehingga 2024. Kita akan menganjurkan perlumbaan tahun ini pada Oktober depan dan ia adalah kali pertama buat saya sejak menyertai SIC," katanya dalam sidang media baru-baru ini.

Beliau berkata, selepas tempoh dua tahun yang memerlukan buat SIC dan juga semua orang, akhirnya mereka diberi

lampu hijau sehingga 2024 untuk terus kekal dalam saingan berprestij itu.

"Kita akan tampilkan sesuatu yang baru dengan fokus kepada pengalaman menarik buat pengunjung. Kita akan bawa sedikit kelainan namun untuk butiran lanjut perkara itu akan dibincangkan kemudian bersama penaja utama Petronas.

"Kita mahu penonton yang datang dapat merasai sesuatu yang baru dan meletakkan sasaran untuk mengulangi jumlah kehadiran sebelum ini iaitu 170,000 orang.

"Bagaimanapun, ia berantung kepada prosedur operasi standard (SOP) yang akan ditetapkan pada waktu itu tatkala kita akan menuju ke fasa peralihan endemik.

"Kita tunggu apa yang akan termaktub pada 1 April nanti. Kita harapkan ramai pengunjung boleh datang dan kita akan bawakan sesuatu yang berbeza dan istimewa buat mereka," katanya.



Pembangunan semula Pasar Dato Keramat seawal 2024

SELEPAS lebih lima tahun ter-tangguh pembangunan semula Pasar Dato Keramat dijangka bermula seawal 2024 secara berfasa.

Pengarah projek Sinotech Properties Development Sdn Bhd yang juga pemaju, Mohd Zaili Mohd Zainordin berkata pihaknya telah menyerahkan permohonan kebenaran merancang kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan kini dalam proses pindaan yang akan dimuktamadkan pada bulan depan.

Beliau berkata mengikut perancangan, tapak Perumahan Awam (PA) Perlis Satu yang bersebelahan dengan Pasar Dato Keramat lama akan dibangunkan dengan Pasar Dato Keramat yang moden dan dilengkapi kemudahan parkir bertingkat selain ruang untuk pasar basah, kering menempatkan seramai 333 peniaga.

"Pembangunan Pasar Dato Keramat adalah berfasa, pada peringkat awal kami akan siapkan 108 rumah gantian untuk kediaman PA Perlis Satu di Gurney Heights yang dijangka dimulakan pembinaannya pada September ini.

"Selepas rumah gantian itu siap dalam tempoh dua tahun, penduduk PA Perlis Satu akan dipindahkan dan apabila ia telah dikosongkan, barulah kediaman itu dirobohkan untuk pembinaan Pasar Dato Keramat yang baharu," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Mohd Zaili berkata tapak asal Pasar Dato Keramat pula akan dimajukan dengan pangsapuri servis yang mempunyai 1,200 unit kediaman dan keseluruhan projek berkenaan akan mengambil masa lima hingga tujuh tahun.

"Pembinaan perlu dilakukan secara berfasa dan berhati-hati kerana kita tidak mahu mengganggu operasi harian Pasar Dato Keramat sedia ada," katanya.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala



PEMBANGUNAN semula Pasar Dato Keramat bakal menukar wajah baharu di kawasan itu serta dapat memberikan keselesaan kepada peniaga dan pengunjung.

Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah ketika dihubungi berkata projek berkenaan telah pun mendapat kelulusan pelan pembangunan dan pembinaan semula Pasar Dato Keramat penting untuk pembangunan yang mampan.

"Bangunan asal Pasar Dato Keramat sudah berusia hampir 40 tahun, infrastruktur yang sedia ada seperti sistem pendawaian elektrik, sistem saliran telah memberikan masalah untuk diselenggara selain parkir yang tidak mencukupi.

"Pembangunan semula di kawasan yang menampung ekonomi warga kota juga perlu dinaik taraf untuk keserasian, keselamatan peniaga dan pengunjung pada masa akan datang selain lokasinya yang strategik berdekatan dengan stesen LRT Dato Keramat dan Damai," katanya.

Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan Cawangan Dato Keramat,

Mohamed Tarmizi Mohamed Akil pulalah berharap cadangan pembangunan Pasar Dato Keramat baharu akan memberikan situasi menang-menang kepada peniaga yang sudah lama mencari rezeki di pasar itu.

Mohamed Tarmizi juga berharap pihaknya dipanggil untuk terlibat dalam libat urus mengenai pembangunan semula pasar itu agar maklumat yang terkini dapat diperoleh dan pihaknya juga dapat mengemukakan sebarang cadangan.

"Kami (peniaga) sudah lama bertapak di sini, kami tidak mahu apabila berlaku pemindahan ke pasar baharu yang sepatutnya prestasi perniagaan semakin maju, sebaliknya semakin mundur.

"Memang cerita (pembangunan) ini bagus, tapi kami tidak mahu terhimpit dengan masalah itu di kemudian hari, sebagai peniaga kami mahu jaminan yang kami akan dapat manfaat daripadanya," katanya. **WK**

Setiap kementerian bakal perkenalkan satu program bantu rakyat

SETIAP kementerian akan memperkenalkan sekurang-kurangnya satu inisiatif dan program yang bermatlamat dalam membantu mengurangkan kesan ekonomi ditanggung rakyat termasuk golongan minoriti dan majoriti di negara ini akibat pandemik COVID-19.

Timbalan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) **Datuk Mastura Mohd Yazid** berkata langkah itu adalah selari dengan matlamat Keluarga Malaysia yang sentiasa memastikan tiada golongan terabai sama ada minoriti dan majoriti di negara ini.

"Pelbagai program ser-

ta inisiatif yang telah atau akan dilaksanakan di bawah payung Keluarga Malaysia termasuk Rumah IKRAM, Skuad, pakej penjagaan COVID-19 Keluarga Malaysia dan banyak lagi produk akan diadakan.

"Kerajaan hari ini bekerja di bawah semangat sebuah keluarga akan terus

konsisten memberi tumpuan kepada program dan inisiatif yang melimpahkan kesejahteraan dan manfaat kepada seluruh Keluarga Malaysia," katanya bagi menjawab soalan Senator Aknan Ehtook di Dewan Negara berkenaan inisiatif yang disenaraikan di bawah Keluarga Malaysia.

"Pelihara puasa, elak komen negatif" - Fendy Bakry

DEEL ANJER

PENGGUNAAN media sosial seperti Facebook, Instagram atau TikTok menjadi keperluan kepada masyarakat hari ini tanpa mengira latar belakang.

Banyak kebaikan yang boleh dimanfaatkan menerusi media sosial, namun ada yang lebih gemar menggunakan untuk perkara-perkara negatif.

Sempena Ramadan ini, pelakon popular **Fendy Bakry**, berharap peminat dan masyarakat memelihara ibadat puasa sebaiknya dengan mengelak daripada membuka aib atau memberikan komen negatif, terutamanya dalam media sosial.

"Tentang hal ini, saya pun tak berapa pandai sangat untuk beri nasihat. Apa yang boleh saya cakap, apabila berpuasa kita bukan hanya menahan lapar dan dahaga tapi juga perlu menjaga tingkah laku agar terhindar daripada segala yang boleh menjurus ke arah dosa.

"Sedangkan kita semua maklum, Ramadan adalah bulan kita mengumpul lebih pahala dan merawat jiwa-wijsa yang kotor.

"Namun jika kita masih lagi dengan perangai yang sebegini, ini seolah-olah kita tak menghormati bulan yang baik ini.

"Jadi pelihara puasa dan elakkan komen negatif yang tak memberi apa-apa manfaat pun.

"Lebih baik perbanyak apa saja amal yang boleh kita lakukan dalam bulan Ramadan ni. Semoga sedikit sebanyak ada bekalan kita untuk ke alam akhirat kelak," katanya kepada *Wilayahku*.

Fendy Bakry ditemui pada Karnival Aspirasi Keluarga Malaysia di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis, baru-baru ini.

Berkongsi amalannya sepanjang berpuasa, Fendy lebih bersederhana dalam pemakanan.

"Apabila berbuka puasa, saya jarang makan yang berat-berat. Biasanya saya dahlulukan dengan kurma dan kuih-muih."

"Juadah berbuka yang wajib ada mestilah kuih Qasidah, Kuih Dangai dan Tepung Gomak. Cita rasa saya ni macam orang tua-tua."

"Selepas solat sunat terawih, barulah saya makan nasi," jelasnya lagi yang tidak lupu bersahur dengan makanan berat.

Dalam perkembangan lain, Fendy bakal muncul dalam drama Guard Komando dan Tanggang Langgang **WK**

